

LAPORAN TAHUNAN 2016

JABATAN MUZIUM MALAYSIA



Jabatan Muzium Malaysia
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

LAPORAN TAHUNAN **2016**



©Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.





Majlis Perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2016 telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah di Muzium Padi, Kedah pada 16 Mei 2016.



Osi KANDUNGAN

Kata Aluan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	7
Kata Aluan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	9
Ringkasan Eksekutif Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia	11
Profil Korporat	14
• Selayang Pandang	17
• Visi, Misi dan Objektif	17
• Carta Organisasi JMM 2016	18
• Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-Pegawai Kanan JMM	20
• Fakta Nombor	23
• Peta Taburan Muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia	24
• Sejarah Jabatan Muzium Malaysia	26



Laporan Sektor Dasar	30
• Dasar dan Pembangunan	32
• Pengurusan Koleksi	33
• Pengurusan Konservasi	36
• Khidmat Pengurusan	53
Laporan Sektor Permuziuman	58
• Pameran dan Pengembangan	59
• Penyelidikan dan Dokumentasi	64
• Laporan Muzium-muzium Persekutuan	73
Statistik Pelawat ke Muzium-Muzium JMM 2016	98
Program Jangkau Luar	102
Prestasi Kewangan	106



Kata Aluan

Menteri Pelancongan dan
Kebudayaan Malaysia

Assalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Muzium Malaysia kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatchah dua kata dalam buku Laporan Tahunan 2016 Jabatan Muzium Malaysia ini.

Setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga Jabatan Muzium Malaysia yang sentiasa memberikan komitmen tinggi dan berterusan bagi melaksanakan transformasi dan dasar kerajaan. Dalam usaha tersebut, Jabatan Muzium Malaysia tidak ketinggalan untuk terus memainkan peranan melaksanakan penerapan nilai-nilai murni dan jati diri kepada setiap warga berteraskan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara. Hal ini jelas melalui pelbagai program berbentuk pameran, penyelidikan, penerbitan dan program pendidikan muzium yang menjurus kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah negara.

Sebagai peneraju bidang permuziuman, Jabatan Muzium Malaysia sentiasa dilihat sebagai pemacu dalam usaha untuk memastikan masyarakat celik sejarah melalui pengajuran program-program berbentuk pendidikan dan pengembangan muzium. Program seumpama ini pastinya dapat menyebarkan ilmu pengetahuan bukan sahaja kepada masyarakat tempatan malah pengunjung luar negara, seterusnya dapat menaikkan imej negara kita.

Saya percaya usaha ke arah peningkatan pemahaman terhadap sejarah dan budaya ini mampu menyatupadukan masyarakat. Oleh itu, harapan saya agar Jabatan Muzium Malaysia akan terus memainkan peranan penting untuk membentuk negara bangsa yang berjaya.

Sekian. Terima kasih.

#SayangMalaysia

YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia



Kata Aluan

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan Dan
Kebudayaan Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT terlebih dahulu saya ucapkan tahniah dan syabas kepada sidang redaksi Jabatan Muzium Malaysia (JMM) kerana berjaya menerbitkan buku Laporan Tahunan 2016, Jabatan Muzium Malaysia.

Laporan tahunan ini disediakan sebagai suatu perkongsian maklumat dan memberikan gambaran menyeluruh tentang peranan dan fungsi jabatan melalui paparan pelaksanaan program dan aktiviti sepanjang tahun 2016. Selain itu, Laporan Tahunan ini juga bukan hanya memaparkan program dan aktiviti hakiki Jabatan ini khususnya dalam menyemai semangat cintakan sejarah dan warisan negara sahaja tetapi, lebih daripada itu, ia adalah untuk memastikan warisan negara kekal dijaga dan dipelihara. Ia dipelihara bukan untuk kebanggaan manusia pada hari ini sahaja tetapi lebih daripada itu adalah bukti ketinggian tamadun yang kita miliki hari ini yang akan kita wariskan kepada generasi yang akan datang. Secara umumnya, pihak JMM telah berjaya mengadakan pelbagai program permuziuman seperti Pameran dan Seminar Tenun Songket ASEAN : Warisan Kini dan Selamanya, Pameran Wayang Kulit : Simbolisma Di Sebalik Layar, Program Bermalam Perdana di Muzium dan sebagainya.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan tahniah kepada pengurusan JMM terutama Unit Kewangan kerana dipilih sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) terbaik di Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC). Jabatan ini juga telah diiktiraf oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) kerana mengawal, memantau serta menyelia semua urusan kewangan JMM dengan lancar dan menepati prosedur kewangan JANM.

Akhir kata, saya berharap semoga kewujudan dan peranan Jabatan Muzium Malaysia dialaf ini akan terus mencapai kejayaan ke taraf global yang cemerlang dan gemilang demi kelangsungan memartabatkan khazanah warisan negara serta merealisasikan Malaysia Negara Maju.

Datuk Hj. Ab. Ghaffar bin A. Tambi

Ketua Setiausaha

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia



RINGKASAN EKSEKUTIF

Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana tahun 2016 terus menyerahkan peranan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dalam memartabat dan melestarikan khazanah negara agar terus terpelihara melalui pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti permuziuman yang menjurus kepada aspek pemeliharaan dan pemuliharaan artifak berkaitan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara. Saya percaya, pencapaian ini adalah atas kerja keras yang ditunjukkan dan semangat kerjasama serta komitmen setiap warga JMM dalam memastikan visi Jabatan dapat direalisasikan.

Selari dengan visi untuk menjadi sebuah institusi permuziuman yang unggul, JMM telah melaksanakan pelbagai program dalam usaha memelihara, mengkal dan menyebarkan pengetahuan tentang warisan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi kepada semua lapisan masyarakat. Program-program yang telah dilaksanakan termasuklah mengadakan pameran-pameran tetap dan bergerak, memantapkan pengurusan koleksi, menjalankan penyelidikan dan penerbitan, meningkatkan keupayaan modal insan serta melaksanakan program pengembangan dan perkongsian ilmu bagi tujuan menyampaikan ilmu kepada orang ramai.

Dari segi makna, muzium ialah sebuah tempat menyimpan, memulihara, mengkaji dan mempamerkan objek-objek yang mempunyai nilai sejarah, seni, budaya, tamadun, dan sebagainya. Dalam konteks ini, JMM menerusi Bahagian Pengurusan Koleksi telah memainkan peranan penting dalam mengumpul harta warisan kebudayaan, sejarah dan alam semula jadi dalam bentuk artifak, ekofak, spesimen dan dokumen yang berkaitan serta mendokumentasi, memulihara dan menyimpannya sebagai sumber rujukan dan penyebaran ilmu pengetahuan menerusi khidmat pinjaman artifak, rujukan dan pameran. Khazanah yang disimpan di Jabatan ini juga merupakan harta milik negara yang perlu dilindungi dan dipulihara untuk dijadikan bukti tamadun bangsa dan negara.

Program pameran merupakan nadi dalam kegiatan permuziuman di serata dunia. Sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan melalui medium pameran, JMM telah memberikan tumpuan kepada penganjuran pameran yang berkualiti bagi meningkatkan bilangan pengunjung ke muzium. Pada tahun ini pameran tetap telah berlangsung di 21 buah muzium di bawah JMM. Manakala sebanyak 9 pameran sementara dan 6 pameran bergerak telah dilaksanakan. Penganjuran pameran-pameran ini telah menarik seramai 3,0553,526 orang pengunjung ke muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM sepanjang tahun 2016.

Institusi permuziuman merupakan salah satu institusi pendidikan tidak formal yang tertua di dunia dan diiktiraf oleh semua golongan masyarakat. Dalam konteks ini, muzium-muzium di bawah JMM telah mengadakan pelbagai program seperti program Bermalam Perdana di muzium, lawatan berpandu di muzium, persembahan tayangan video, mengenali spesimen dan pelbagai program lain yang menarik minat pengunjung khususnya pelajar sekolah untuk meneroka ilmu pengetahuan baharu. Tahun 2016 juga telah memperlihatkan bagaimana JMM telah memainkan peranan sebagai wadah menyampaikan ilmu kepada masyarakat melalui pelaksanaan program-program perkongsian ilmu seperti seminar, forum kurator, bicara tokoh, bengkel dan bicara kurator yang melibatkan bukan hanya pelajar sekolah malahan juga segenap lapisan masyarakat.

Dalam usaha melestarikan sejarah dan khazanah negara, Jabatan Muzium Malaysia menjadikan program penyelidikan mengenai sejarah, budaya dan alam semula jadi negara sebagai fokus utama. Hasil daripada penyelidikan ini seterusnya dianalisis, didokumentasikan dan diterbitkan agar manfaatnya dapat dikongsi dengan seluruh lapisan masyarakat. Peranan muzium sebagai pusat penyelidikan juga diperkembangkan dengan menjadikan muzium dan koleksi artifak yang terdapat di muzium sebagai topik penyelidikan oleh para penyelidik khususnya pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. Pada tahun 2016, sebanyak empat penyelidikan telah dilaksanakan oleh kakitangan JMM dan seramai 72 penyelidik luar telah membuat penyelidikan di muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM dalam pelbagai bidang sama ada berkaitan sejarah, budaya, alam semulajadi mahupun bidang yang berkaitan dengan bidang permuziuman.

Dalam era globalisasi dan ledakan teknologi maklumat, penyebarluasan maklumat mengenai permuziuman dan khazanah yang terdapat di dalamnya telah disebarluaskan melalui laman sesawang, Facebook dan blog Jabatan Muzium Malaysia. Melalui kaedah ini, seluruh masyarakat di negara ini mahupun pengkaji dari luar negara mudah memperoleh maklumat yang diperlukan.

Selain itu, usaha meningkatkan komitmen warga kerja, pihak pengurusan telah menggalakkan kakitangan muzium untuk meningkatkan pengetahuan di dalam dan luar negara. Mereka juga dihantar mengikuti seminar dan bengkel berkaitan permuziuman di seluruh negara. Bagi memantapkan sesebuah organisasi bukanlah boleh direalisasikan dalam sekilip mata sebaliknya usaha berterusan perlu dilaksanakan. Sebanyak 35 kursus telah diadakan sepanjang tahun 2016 memperlihatkan kesungguhan jabatan untuk meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan JMM dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Galakan untuk bekerjasama seharusnya bermula dengan institusi-institusi permuziuman terutamanya di seluruh Malaysia. Sambutan Hari Muzium Antarabangsa yang diraikan pada 18 Mei setiap tahun merupakan wadah bagi memantapkan jaringan kerjasama ini ke arah memartabatkan institusi permuziuman di Malaysia. Permuafakatan ini dapat dilihat melalui penglibatan pelbagai institusi permuziuman dari seluruh negara yang menjayakan pelbagai aktiviti secara bersama sepanjang sambutan Hari Muzium di negara ini. Muzium turut memantapkan lagi jaringan antarabangsa dengan muzium-muzium terkemuka di luar negara. Ini dilaksanakan melalui pelbagai perkongsian pintar sama ada dalam bentuk penyelidikan, pameran, perkongsian bidang kepakaran mahupun penempatan staf di muzium-muzium terkemuka yang bersesuaian.

Sumbangan individu terutamanya bagi golongan yang mencintai muzium amat dihargai oleh jabatan ini. Justeru, penubuhan Sukarelawan Muzium (*Museum Volunteers*) telah membuka jalan kepada orang ramai untuk bersama-sama menjayakan pelbagai aktiviti yang telah direncanakan oleh jabatan seperti mengadakan lawatan berpandu dalam pelbagai bahasa, mengadakan ceramah dan lain-lain lagi. Adalah diharapkan agar bilangan sukarelawan ini akan bertambah pada masa hadapan agar lebih banyak aktiviti dapat dijalankan dan orang ramai dapat merasai faedahnya.

Di samping itu, pelbagai program dan aktiviti lain yang dirancang pada tahun 2016 telah dilaksanakan hasil kerjasama dan komitmen semua warga JMM dalam usaha merealisasikan visi dan misi Jabatan. Saya merasa bangga dengan komitmen daripada semua warga JMM yang telah berganding bahu memikul setiap tanggungjawab yang telah diamanahkan. Sesungguhnya kejayaan yang ditempa sehingga kini adalah berkat semangat kerjasama dan budaya kerja cemerlang yang sentiasa dipraktikkan. Semua usaha ini tidak akan berakhir di sini dan akan berterusan dengan pencetusan transformasi minda dan tenaga serta penerapan elemen inovasi dan kreativiti dalam semua tugas yang bakal dilaksanakan di tahun-tahun yang akan datang. Semoga seluruh warga JMM akan terus dikurniakan kekuatan fizikal dan ketajaman fikiran untuk menunaikan amanah dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin agar keberadaan JMM terus relevan dengan kehendak masyarakat dan era globalisasi.

Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim

Ketua Pengarah

Jabatan Muzium Malaysia

PROFIL KORPORAT


○ **SELAYANG PANDANG**


- Visi, Misi dan Objektif
- Carta Organisasi JMM 2016
- Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-Pegawai Kanan JMM

○ **Sejarah Jabatan Muzium Malaysia**

○ **Fakta Nombor**

○ **Peta Taburan Muzium-muzium di Bawah Jabatan Muzium Malaysia**





MUZIUM NEGARA
—SEMENTARA—





Selayang Pandang

VISI, MISI DAN OBJEKTIF

VISI

Menjadi Institusi Permuziuman Unggul di Asia

MISI

- ① Mengumpul dan memulihara koleksi artifak yang signifikan
- ② Menghasil dan mendokumentasikan penyelidikan koleksi artifak
- ③ Mengadakan pameran-pameran menarik secara berterusan
- ④ Menjadi destinasi utama pelancong

OBJEKTIF

- ① Menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara
- ② Menyebarluaskan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium

FUNGSI


- ① Menyelidik, mengumpul, memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi negara.
- ② Mengurus muzium-muzium di bawah pentadbiran persekutuan dan memberi khidmat kepada rakyat dan nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta.
- ③ Mendokumentasikan koleksi jabatan dan menerbitkan hasil penyelidikan.
- ④ Memberikan khidmat pengembangan ilmu pengetahuan melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum dan persidangan dan lawatan berpandu ke balai-balai pameran.

PERKHIDMATAN TERAS



- ① Pengurusan Koleksi
- ② Penyelidikan dan Pendokumentasian
- ③ Penyebarluaskan Ilmu Pengetahuan melalui: Pameran (pameran tetap, pameran sementara dan pameran bergerak), Ceramah, Bengkel, Seminar, Forum dan Persidangan serta Lawatan Berpandu ke galeri



CARTA ORGANISASI JABATAN MUZIUM MALAYSIA



TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMUZIUMAN) JUSA C





PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN MUZIUM MALAYSIA



KETUA PENGARAH
Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim



**TIMBALAN KETAU PENGARAH
(PERMUZIUMAN)**
Encik Mohd. Azmi bin Mohd Yusof



**TIMBALAN KETAU PENGARAH
(DASAR)**
Encik Mohamad Shawali bin Hj. Badi



PENGARAH MUZIUM NEGARA

Encik Azmi bin Ismail



**PENGARAH BAHAGIAN DASAR
DAN PEMBANGUNAN**

Encik Esa bin Haron (Menanggung Kerja)



**PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN**

Encik Mohamed Fauzi bin Mohamed Salleh



**PENGARAH BAHAGIAN
PENGURUSAN KOLEKSI**

Encik Zainal bin Ariffin



**PENGARAH BAHAGIAN
PENYELIDIKAN DAN DOKUMENTASI**

Encik Samsol bin Sahar



**PENGARAH MUZIUM ETNOLOGI
DUNIA MELAYU**

Encik Roslee bin Ariffin



**PENGARAH BAHAGIAN
PENGURUSAN KOLEKSI**

Encik Zamrul Amri bin Zakaria



**PENGARAH BAHAGIAN PAMERAN
DAN PENGEMBANGAN**

Encik Esa bin Haron

PROFIL KORPORAT



KETUA PENOLONG PENGARAH
Unit Pembangunan Dan
Pengurusan Harta
Puan Zarinah binti Sarifan



KETUA PENOLONG PENGARAH
Galeri Perdana
Encik Mohd Najib bin Adnan
(Menanggung Kerja)



KETUA PENOLONG PENGARAH
Unit Teknologi Maklumat
Puan Asmah binti Mohd Wazir



PENGARAH MUZIUM
ALAM SEMULA JADI
Puan Farizawati binti Sabri



KETUA PENOLONG PENGARAH
Unit Dasar Dan Perancangan Strategik
Cik Siti Rabia binti Abd. Rahman



PENGARAH
MUZIUM TEKSTIL
Puan Hadijah binti Yunos



TIMBALAN PENGARAH
MUZEUM NEGARA
Cik Darniza binti Daud



KETUA BAHAGIAN
KOMUNIKASI KORPORAT
Puan Roslelawati binti Abdullah



PENGARAH MUZIUM PERAK
Puan Norhanisah binti Ahmad



FAKTA NOMBOR PENCAPAIAN JMM 2016



3,0553,526

pengunjung melawat muzium



22

bahru muzium
di bawah pentadbiran JMM



09

pameran sementara



35

kursus anjuran JMM



73

program pendidikan
dan pengembangan muzium



72


pelajar dan orang perseorangan
menjalankan penyelidikan muzium



18

penerbitan JMM

PETA LOKASI MUZIUM-MUZIUM DI BAWAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA



SABAH

- Muzium Labuan
- Muzium Marin Labuan
- Muzium Chimney


WP Labuan

Sabah

Sarawak

Mengimbau Kisah SEJARAH

JABATAN MUZIUM MALAYSIA



Penubuhan awal muzium di Tanah Melayu bermula pada tahun 1883 apabila pemerintah British membuka Muzium Perak yang kemudiannya diikuti penubuhan Muzium Selangor pada 1904. Pada tahun 1953, Muzium Negara sementara pula ditubuhkan sehingga pada tahun 1963 apabila dirasmikan Muzium Negara yang kekal hingga hari ini menjadi nadi dan mercu kepada usaha memartabatkan sejarah warisan negara. Rentetan peristiwa penubuhan muzium-muzium ini berkait rapat dengan penubuhan sebuah Jabatan yang menjadi nadi kepada pembangunan dan kemajuan muzium di Malaysia.

Jabatan Muzium telah ditubuhkan dan mula beroperasi di Muzium Selangor pada tahun 1904 adalah bertanggungjawab mengawasi pentadbiran Muzium Perak dan Muzium Selangor. Pada tahun yang sama, kedua-dua muzium ini disatukan menjadi Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Muzium. J.L.Wray merupakan Pengarah pertama Jabatan Muzium sehingga 1908, kemudian digantikan oleh H.C.Robinson sehingga tahun 1926 dan C.Boden Kloss sehingga tahun 1931.

Pada 1 Januari 1932, Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dibubarkan, dengan itu Jabatan Muzium turut dibubarkan dan kedua-dua buah muzium itu dipisahkan semula dan wujud sebagai dua buah muzium yang berasingan. Pemisahan dilakukan selaras dengan pelaksanaan dasar disentralisasi yang dijalankan oleh pemerintahan British di Tanah Melayu pada tahun tersebut. Usaha mewujudkan semula Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Jabatan Muzium oleh pegawai Inggeris, Kapten H.M.Pendlebury yang ketika itu memegang jawatan Kurator Muzium Selangor mendapat perhatian pemerintah British dan kedua-dua entiti tersebut diwujudkan semula bermula tahun 1938. Kapten H.M.Pendlebury telah dilantik menjadi Pengarah Jabatan Muzium sehingga tahun 1941 apabila tentera Jepun mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu. Tentera Jepun ditempatkan di Muzium Selangor bagi menjaga muzium tersebut dan seterusnya, Muzium Selangor ditutup kepada orang awam untuk lawatan.

Walaupun Muzium Selangor ditutup kepada orang awam, tetapi kerja-kerja mengumpul dan menambah koleksi muzium diteruskan apabila Pegawai Pemerintah Tentera Jepun memanggil semula seorang bekas pekerja muzium iaitu Encik Bachik Mohd Tahir untuk menjaga muzium. Kemudian beliau memanggil semula pekerja Muzium Selangor yang telah berhenti akibat pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Pada bulan Jun 1943, empat orang pegawai Jepun dilantik untuk bertugas di Jabatan Muzium yang beribu pejabat di Muzium Selangor. Jabatan Muzium yang baru dalam masa pemerintahan Jepun diketuai oleh Dr. Iwao Hino sebagai Pengarah sehingga 2 Mac 1945 apabila Dr. Takahashi dilantik bagi menggantikannya sebagai Pengarah Jabatan Muzium. Tempoh pentadbirannya adalah singkat apabila 10 Mac 1945, Muzium Selangor menjadi mangsa pengeboman tentera udara Amerika Syarikat menyebabkan kesemua koleksi bahan pameran yang terletak di bahagian kanan bangunan muzium mengalami kemasuhan. Koleksi muzium yang terselamat ditempatkan sementara di bilik darjah di Sekolah Convent Bukit Nenas, Kuala Lumpur sehingga akhir tahun 1945.





Pada tahun 1946, Pemangku Pengarah Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah dilantik sebaik sahaja Jepun menyerahkan pentadbiran Muzium Selangor kepada pemerintah British. Dari tahun 1946 hingga 1948, empat orang Pemangku Pengarah Jabatan Muzium yang juga menjadi Pemangku Pengarah Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah dilantik dan salah seorangnya adalah M.W.F.Tweedie, bekas Pengarah Muzium Raffles, Singapura yang berkhidmat sehingga tahun 1947 dan kemudian digantikan dengan H.T.Padgen. Cadangan supaya membina sebuah muzium baru telah dikemukakan oleh H.T.Padgen kepada pihak pemerintah British di Tanah Melayu bagi menggantikan Muzium Selangor

sehinggalah akhirnya Muzium Negara Sementara dibina dan dibuka dengan rasminya pada 11 Februari 1953 oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Gerald Templer. Pengarah Jabatan Muzium di Muzium Negara Sementara ini adalah G.de G.Sieveking dan beliau di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran.

Pada tahun 1957, Jabatan Muzium diletakkan di bawah Bahagian Kebudayaan dalam Kementerian Kebajikan Masyarakat. Kemudian, Jabatan Muzium diletakkan dalam portfolio Jabatan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mulai tahun 1958 hingga 1970. Muzium Negara Sementara telah beroperasi selama lima tahun. Pada tahun 1958, bangunan muzium ini dirobohkan bagi melancarkan projek pembinaan bangunan tetap Muzium Negara.

Pengubahan Dasar Kebudayaan pada tahun 1971 menyaksikan Bahagian Kebudayaan yang sebelumnya di bawah naungan Kementerian Penerangan sejak tahun 1964 diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang turut merangkumi Jabatan Muzium sebagai salah sebuah agensinya. Di samping aktiviti permuziuman, Jabatan Muzium memainkan peranan penting menguruskan hal-hal berkaitan ekskavasi arkeologi, pemeliharaan, pemuliharaan, penyelenggaraan dan pewartaan monumen bersejarah dan tapak-tapak ekskavasi, mengawal peniaga antik serta eksport benda purba di bawah Akta Benda Purba 1976. Manakala pada tahun 1978, Jabatan Muzium telah dipindahkan sementara ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar.

Pada 20 Mei 1987, Jabatan Muzium berpindah kementerian sekali lagi apabila komponen kebudayaan dipisahkan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ia diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Ia diikuti penubuhan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pada 22 Oktober 1992, seterusnya pada tahun yang sama distruktur kembali dan diberi nama baru kepada Kementerian Kebudayaan,

Kesenian dan Pelancongan Malaysia sehingga tahun 2004. Jabatan Muzium berpindah ke kementerian berkenaan bersama Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara. Perubahan ini menuntut Jabatan Muzium dan agensi-agensi di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memberikan penekanan setimpal terhadap usaha menggalakkan industri pelancongan di negara ini.



Jabatan Muzium kemudiannya dikenali sebagai Jabatan Muzium dan Antikuiti mulai 11 Mac 1993 setelah melalui penyusunan semula struktur organisasi. Jabatan muzium dan aktiviti sebagai salah satu agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan adalah berperanan besar untuk memelihara warisan sejarah dan kebudayaan negara. Di samping itu, Jabatan menjadi agensi penting di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam membangunkan produk pelancongan melalui penubuhan muzium-muzium, pemeliharaan tapak-tapak bersejarah, warisan budaya serta alam semula jadi negara.

Penyusunan semula Kabinet pada 27 Mac 2004 menyaksikan Jabatan Muzium dan Antikuiti diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Peranan muzium dalam pembangunan negara bergerak rancak melalui penubuhan lebih banyak lagi muzium sebagai produk pelancongan yang utama seiring dengan keperluan memelihara warisan khazanah negara. Pada 1 Mac 2006, Jabatan Muzium dan Antikuiti bertukar nama kepada Jabatan Muzium Malaysia dengan pengkhususan lebih kepada pengurusan muzium dan koleksi artifak muzium.

Pada 18 Mac 2008, berikutan penyusunan Kabinet, Jabatan Muzium Malaysia dipindahkan ke Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Jabatan Muzium Malaysia kemudiannya diletakkan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan apabila Kabinet dirombak sekali lagi pada 9 April 2009. Jabatan Muzium Malaysia sebagai sebuah agensi kerajaan Persekutuan yang berperanan mentadbir dan membangunkan 21 buah muzium persekutuan di samping memelihara dan menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya serta alam semula jadi negara melalui aktiviti pameran, penyelidikan, penerbitan, program pendidikan serta pengembangan muzium terus diperkasakan.

LAPORAN SEKTOR DASAR

- **Dasar dan Pembangunan**
- **Pengurusan Koleksi**
- **Pengurusan Konservasi**
- **Khidmat Pengurusan**





LAPORAN SEKTOR DASAR

Sektor Dasar Jabatan Muzium Malaysia terdiri daripada Bahagian Pengurusan Koleksi, Bahagian Dasar dan Pembangunan, Bahagian Pengurusan Konservasi dan Bahagian Khidmat Pengurusan. Bahagian Pengurusan Koleksi melibatkan Unit Perolehan Artifak, Unit Perkhidmatan Repositori, Unit Inventori Koleksi Artifak serta Unit Arkib dan Pendaftaran Elektronik. Manakala Bahagian Dasar dan Pembangunan terdiri daripada Unit Dasar dan Perancangan Strategik, Unit Teknologi Maklumat serta Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta. Bahagian Pengurusan Konservasi pula melibatkan Unit Konservasi Bahan Bukan Organik, Unit Konsevasi Bahan Organik dan Unit Konservasi Preventif. Manakala, Bahagian Khidmat Pengurusan pula terdiri daripada Unit Pengurusan Sumber Manusia, Unit Pembangunan Modal Insan, Unit Kewangan, Unit Keselamatan dan Unit Pentadbiran.

Bahagian Pengurusan Koleksi bertanggungjawab dalam perancangan, penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan aktiviti perolehan koleksi, daftar koleksi, inventori serta sistem penyimpanan dan pemuliharaan koleksi Jabatan. Manakala Bahagian Dasar dan Pembangunan bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar-dasar Jabatan dan aktiviti pembangunan, pengurusan harta dan teknologi Maklumat Jabatan. Bahagian Pengurusan Koleksi bertanggungjawab dalam perancangan, penyelarasan dan pemantauan aktiviti konservasi koleksi artifak Jabatan, memastikan koleksi artifak Jabatan berada dalam keadaan baik dengan membuat pemuliharaan, penyelidikan dan pemantauan.



LAPORAN PENGURUSAN KOLEKSI

Dalam usaha memartabatkan dan melestarikan khazanah negara yang tidak ternilai ini, koleksi perlu diuruskan dengan sistematik dan efisyen. Atas sebab ini menjadikan bidang pengurusan koleksi satu perkhidmatan teras kepada Jabatan Muzium Malaysia. Bahagian Pengurusan Koleksi yang diwujudkan di JMM bertanggungjawab memastikan kesinambungan pembangunan koleksi melalui proses perolehan koleksi sama ada secara pembelian, hadiah, jumpaan, ekspedisi saintifik bagi koleksi alam semula jadi mahupun kaedah-kaedah lain yang diluluskan. Menguruskan koleksi yang dibangunkan melibatkan proses mengklasifikasi, mendaftar, merekod, menyimpan dan menjana kesejahteraan koleksi.

JUMLAH KOLEKSI JABATAN MUZIUM MALAYSIA

BIL	KOLEKSI	JUMLAH KOLEKSI
1.	Etnologi	33,309
2.	Arkeologi	322,631
3.	Alam Semula Jadi	65,786
421,726		

Menyahut seruan ke arah pengurusan secara digital dan menjadikan Jabatan Muzium Malaysia terus relevan dalam dunia globalisasi, pembangunan sistem pengurusan koleksi bersepadu yang dikenali sebagai MUSECORE (Museum Unified System for Conservation, Registration, Research and Exhibition) telah dilaksanakan. Melalui sistem ini, kecekapan dalam pengurusan koleksi dapat dipertingkatkan apabila pendaftaran artifak, konservasi dan penyelidikan artifak dapat dijalankan secara bersepadu. Bagi tahun 2016, sebanyak 11,273 data maklumat koleksi telah berjaya dimasukkan ke dalam sistem ini.

Pada tahun 2016 juga BPK telah menerima hadiah sebuah pesawat ringan Eagle 150B dan panel hiasan dinding balai mengadap Istana Kelantan.

Bagi tujuan penyebaran ilmu pengetahuan kepada masyarakat, Bahagian Pengurusan Koleksi telah mengeluarkan sebanyak 970 koleksi pelbagai klasifikasi untuk diperagakan dalam aktiviti pameran yang telah dirancang seperti dalam jadual di bawah:

BIL	TAJUK PAMERAN	BILANGAN KOLEKSI
1.	Pameran Perak dan Tembaga	316
2.	Pameran Perhiasan Kepala	110
3.	Pameran Kemerdekaan	38
4.	Pameran Tenunan Songket:Ratu Kain	138
5.	Pameran Di Ningbo China	147
6.	Pameran Wayang Kulit Nusantara: Simbolisme Di Sebalik Layar	181
7.	Pameran PIACUFF Keindahan Tekstil Dunia Islam Di Putrajaya	40

Bagi memastikan keadaan koleksi berada dalam keadaan yang baik, semakan dan pemantauan koleksi artifak di muzium-muzium di bawah kendalian JMM turut dijalankan.

Data maklumat koleksi berkenaan turut dimuat naik dalam sistem MUSECORE. Antara lokasi koleksi yang telah disemak adalah seperti berikut:

BIL	MUZIUM	JUMLAH KOLEKSI
1.	Muzium Negara, Kuala Lumpur	2,583
2.	Muzium Perak, Perak	1,112
3.	Muzium Tekstil, Kuala Lumpur	243
4.	Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Kedah	678
5.	Muzium Alam Semulajadi, Putrajaya	675
6.	Muzium Kota Kayang, Perlis	529
7.	Muzium Labuan, WP Labuan	962
8.	Muzium Marin Labuan, WP Labuan	313
9.	Muzium Adat, Negeri Sembilan	432
10.	Galeria Perdana, Kedah	9,860
11.	Muzium Sungai Lembing, Pahang	395
12.	Muzium Seni Bina Malaysia, Melaka	241
13.	Muzium Automobil Nasional, Selangor	22
14.	Muzium Etnologi Dunia Melayu, Kuala Lumpur	239
15.	Muzium Lukut, Negeri Sembilan	120
16.	Muzium Seni Kraf Orang Asli, Kuala Lumpur	175
17.	Muzium Matang, Perak	400
18.	Muzium Chimney, WP Labuan	470
19.	Muzium Kota Kuala Kedah, Kedah	289
20.	Muzium Kota Johor Lama, Johor	89
21.	Muzium Diraja, Kuala Lumpur	2,500

Bahagian Pengurusan Koleksi turut memberikan sumbangan yang unik bagi golongan pelajar atau penyelidik yang terdiri daripada mahasiswa universiti dengan menyediakan ruang dan bahan untuk membuat penyelidikan secara ilmiah, memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak universiti dalam melengkapkan pengajian mereka. Sepanjang tahun 2016, seramai lapan orang penyelidik telah datang membuat penyelidikan di bahagian ini.

Usaha penambahbaikan dalam pengurusan koleksi sentiasa dilaksanakan bagi memastikan khazanah negara ini terpelihara dengan baik. Bahagian Pengurusan Koleksi berlitzam untuk mencapai standard pengurusan koleksi ke satu tahap yang boleh dibanggakan. Pada tahun ini, kakitangan bahagian ini terlibat dalam pemindahan koleksi pengangkutan sebanyak 21 buah kenderaan dari Ibu Pejabat JMM ke Muzium Diraja. Kerja-kerja ini dilaksanakan bagi menyambung usaha menyimpan koleksi mengikut klasifikasi telah ditetapkan. Koleksi yang terlibat ialah:

BIL	JENIS KOLEKSI	JUMLAH
1.	Kereta Lembu	3
2.	Kereta Keranda	1
3.	Kereta Kuda	2
4.	Kereta Antik	6
5	Beca	4
6.	Lanca	2
7.	Basikal	2
8.	Perahu	1
	Jumlah Keseluruhan	21

Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan bagi Bahagian Pengurusan Koleksi bagi tahun 2016. Masih banyak usaha penambahbaikan boleh dilaksanakan bagi memastikan koleksi khazanah negara ini diurus tadbir dengan baik. Sebagai contoh menaik taraf repositori koleksi agar dapat memberikan ruang penyimpanan yang lebih sistematik. Namun begitu bahagian ini akan terus usahakan yang terbaik bagi memastikan koleksi khazanah negara ini terpelihara.



Laporan Bahagian Pengurusan Konservasi

Pada tahun 2016, Bahagian Pengurusan Konservasi telah berjaya menjalankan konservasi kepada 2804 artifak seperti di Jadual dibawah.

Bil	Unit / Bahagian / Muzium	Organik	B. Organik	Preventif	Jumlah
1	Bahagian Pengurusan Koleksi	533	383	791	1707
2	Muzium Negara		37	42	79
3	Muzium Automobil Nasional		10	22	32
4	Kompleks JMM			4	4
5	Muzium Alam Semulajadi			18	18
6	Muzium Tekstil Negara			1	1
7	Muzium Kota Johor Lama	10			10
8	Galeria Perdana			8	8
9	Muzium Adat			502	502
10	Muzium Kota Kayang			12	12
11	Muzium Perak			145	145
12	Muzium Matang			25	25
13	Muzium Etnologi Dunia Melayu			29	29
14	Muzium Seni Kraf Orang Asli			21	21
15	Khidmat Bantuan Konservasi Agensi Luar <ul style="list-style-type: none"> i. Jabatan Muzium Sarawak ii. ThinkCity Sdn Bhd iii. Lembaga Muzium Negeri Sembilan iv. Muzium Selangor v. Muzium Kelantan vi. Istana Terengganu vii. Tengku Puan Pahang viii. Prof. Madya Sulaiman ix. The National Museum of Indonesia x. Adi Guru Pak Nasir xi. Miskom Karim 				
	JUMLAH	535	441	1828	2804

Laporan Bahagian Dasar Dan Pembangunan

Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta

Pada tahun 2016, sebanyak 14 Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan & Lanskap dilaksanakan seperti di dalam jadual di bawah:

BIL	PERKHIDMATAN	MULA KONTRAK	TAMAT KONTRAK
1	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Muzium Malaysia	1/5/2016	30/4/2017
2	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan Bangunan dan Lanskap Kompleks Muzium Negara, Jabatan Muzium Malaysia	1/1/2016	31/12/2016
3	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan Bangunan Muzium Alam Semulajadi Jabatan Muzium Malaysia, Presint Diplomatik, Putrajaya	1/7/2016	30/6/2018
4	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan Bangunan dan Kawasan Muzium Tekstil Negara	1/6/2016	31/5/2018
5	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan dan Lanskap Muzium Kota Kuala Kedah, Jmm Wilayah Utara	1/8/2016	31/7/2018
6	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan Bangunan dan Lanskap Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Jabatan Muzium Malaysia	1/5/2016	30/4/2017
7	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan dan Lanskap Di Muzium Perak, Taiping, Jabatan Muzium Malaysia	1/4/2016	31/3/2018
8	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan Bangunan dan Lanskap Galeria Perdana, Jabatan Muzium Malaysia	1/11/2016	31/10/2017
9	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan Bangunan dan Lanskap Muzium Sungai Lembing, Jmm Wilayah Timur	1/3/2016	29/2/2018
10	Perkhidmatan Pembersihan Kawasan di luar dan dalam Bangunan Muzium Lukut, Jabatan Muzium Malaysia	1/4/2016	31/3/2018

LAPORAN SEKTOR DASAR

BIL	PERKHIDMATAN	MULA KONTRAK	TAMAT KONTRAK
11	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan Bangunan dan Kawasan Muzium Adat, Jabatan Muzium Malaysia	1/11/2016	31/10/2018
12	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan Bangunan Muzium Marin, Labuan Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan	1/11/2016	31/10/2018
13	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan Bangunan Muzium Seni Bina Malaysia (Msbm) Melaka dan Bangunan Pejabat Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Selatan, Melaka	1/7/2016	30/6/2018
14	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan Bangunan dan Lanskap Muzium Kota Johor Lama, Jabatan Muzium Malaysia	1/9/2016	31/8/2018

Manakala, sebanyak 14 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata telah dijalankan di ibu pejabat 14 buah muzium-muzium persekutuan JMM seperti yang terdapat di dalam jadual di bawah:

Bil	Nama Muzium	Mula Kontrak	Tamat Kontrak
1	Muzium Perak & Muzium Matang	1/11/2016	31/10/2018
2	Muzium Lukut, Negeri Sembilan	1/6/2016	31/5/2018
3	Muzium Sungai Lembing, Pahang	1/1/2016	31/12/2017
4	Muzium Kota Kayang, Perlis	1/1/2016	31/12/2017
5	Galeria Perdana, Langkawi	1/12/2016	30/11/2018
6	Muzium Kota Kuala Kedah, Kedah	1/1/2016	31/12/2017
7	Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Kedah	1/1/2016	31/12/2017
8	1. Repotori Bangi 2. Muzium Alam Semulajadi 3. Muzium Automobil Nasional	1/1/2016	31/12/2017
9	Muzium Adat, Jelebu, Negeri Sembilan	1/1/2016	31/12/2017
10	Muzium Kota Johor Lama, Johor	1/1/2016	31/12/2017
11	Ibu Pejabat, Jabatan Muzium Malaysia	1/10/2016	30/9/2017
12	JMM Wilayah Selatan & Muzium Senibina Malaysia, Melaka	1/4/2016	31/3/2018
13	1.Muzium Tekstil Negara 2. Muzium Muzik	1/2/2016	31/1/2018

Perkhidmatan sewaan pula melibatkan 8 jenis perkhidmatan sepanjang tahun 2016, seperti di dalam jadual di bawah:

BIL	MUZIUM	MULA KONTRAK	TAMAT KONTRAK
1	Sewaan Kedai Cenderamata Muzium Negara	1/3/2016	28/2/2018
2	Sewaan Kafeteria Di Galeria Perdana	1/3/2016	28/2/2017
3	Sewaan Kafeteria Di Muzium Kota Kuala Kedah	1/6/2016	31/5/2017
4	Sewaan Kafeteria Di Muzium Arkeologi Lembah Bujang	1/8/2016	31/7/2018
5	Sewaan Kafeteria Dan Kedai Cenderamata Di Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur	1/4/2016	31/3/2018
6	Sewaan Kawasan Untuk Tapak Pemancar Gelombang Mikro Digi Di Bangunan Jabatan Muzium Malaysia	1/2/2016	31/1/2018
7	Sewaan Tempat Letak Kereta Jmm	1/3/2016	28/2/2017
8	Sewaan Kedai Cenderamata Di Muzium Perak	1/12/2016	30/11/2017



LAPORAN SEKTOR DASAR

Perkhidmatan Penyediaan Pameran & Penyewaan Khemah melibatkan 5 jenis perkhidmatan iaitu:


BIL	PERKHIDMATAN	MULA PERKHIDMATAN	TAMAT PERKHIDMATAN
1	Perkhidmatan Penyediaan Struktur Pameran Dan Peragaan Untuk Pameran Wayang Kulit Nusantara : Simbolisme Di sebalik Layar Di Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur	4/11/2016	HARI 14
2	Perkhidmatan Penyewaan Khemah Dan Persiapan Tempat Bagi Majlis Perasmian Dan Program Demonstrasi Pameran Tenun Songket Asean Di Jabatan Muzium Malaysia	14/10/2016	-
3	Perkhidmatan Penyediaan Struktur Pameran Dan Peragaan Untuk Pameran Tenun Songket Asean Di Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur	14/10/2016	7HARI
4	Perkhidmatan Penyediaan Struktur Pameran Dan Peragaan Untuk Pameran Kemerdekaan Di Muzium Negara, Kuala Lumpur	20/7/2016	HARI 14
5	Perkhidmatan Sewaan Khemah Dan Persediaan Tempat Bagi Majlis Perasmian, Pameran Dan Karnival Hari Muzium Antarabangsa (HMA) Peringkat Kebangsaan 2016	12/5/2016	4HARI

Unit Pembangunan Modal Insan

Sepanjang tahun 2016, JMM telah melaksanakan 20 kursus fungsional dan 15 kursus generik kepada kakitangan JMM seperti di Jadual 3. Secara perbandingan, mengikut tahun lalu, JMM telah melaksanakan 18 kursus Fungsional dan 11 kursus generik. Ianya menunjukkan peningkatan sebanyak 10% pelaksanaan kursus di JMM.

Latihan

TAHUN	FUNGSIONAL	GENERIK
2015	18	11
2016	20	15



LAPORAN SEKTOR DASAR

A. Kursus Fungsional : Permuziuman

Bil	Tajuk	Tarikh
1	Pemukiman Pengisian Pameran Tenunan Songket Asean Anjuran JMM	12 – 13 Februari 2016
2	Bengkel Pengurusan Konservasi Artifak	22 – 24 Februari 2016
3	Kursus Metodologi Penyelidikan Muzium (Umum) Peringkat Asas Anjuran JMM	22 – 23 Mac 2016
4	1Pelajar 1Murid (1P1M)	13 – 14 April 2016
5	Bengkel Konservasi Artifak Logam	13 – 15 April 2016
6	Bengkel Asas Taksidermi Katak Dan Kurasi Tulang Ayam	18 – 21 April 2016
7	Kursus Pemasaran Muzium	23 – 24 Ogos 2016
8	Kursus Ketramplian Petugas Barisan Hadapan	25 – 26 Ogos 2016
9	Seminar Kearifan Tempatan Siri 2	8 September 2016
10	Kursus Tatacara Lawatan Berpandu	21 – 22 September 2016
11	Bicara Kurator Tamadun Lembah Bujang Prospek Arkeologi Dan Pelancongan Anjuran JMM	29 September 2016
12	Bengkel Pemetaan Koleksi & Pelan Pendidikan Muzium 1P1M Anjuran JMM	5 Oktober 2016
13	Bengkel Konservasi Wayang Kulit Peringkat Pertengahan Anjuran JMM	11 – 13 Oktober 2016
14	Seminar Tenunan Songket Asean (Ratu Kain: Satu Rumpun Satu Warisan) Anjuran Jabatan Muzium Malaysia	19 Oktober 2016
15	Wacana Busana Melayu Anjuran Jabatan Muzium Malaysia	22 Oktober 2016
16	Bengkel Peracuan Artifak, Arca Dan Batu Peringatan (Peringkat Lanjutan) Anjuran Jabatan Muzium Malaysia	24 – 27 Oktober 2016
17	Kursus Pengacaraan Majlis Berprestij Anjuran JMM	7 – 9 November 2016
18	Program Lawatan Sambil Belajar Di Jabatan Muzium Malaysia Anjuran JMM	15 November 2016
19	Seminar Wayang Kulit Nusantara : Simbolisme Di Sebalik Layar Anjuran JMM	16 November 2016
20	Bengkel Pembuatan Arca Penguin	31 Oktober - 4 November 2016



Kursus Pengacaraan

B. Kursus Generik : Pengurusan Dan Pentadbiran

Bil	Tajuk	Tarikh
1	Bengkel Tatacara Pengurusan Kewangan Jabatan	2 – 3 Februari 2016
2	Kursus Pengurusan Fail dan Rekod	10 – 11 Februari 2016
3	Pemukiman Rang Undang-Undang Anjuran JMM	3 – 5 Mac 2016
4	‘Team Building’ bagi kumpulan P&P	28 – 30 Mac 2016
5	Pengurusan Aset dan Stor	11 – 12 April 2016
6	Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan	26 – 28 April 2016
7	“Program Bahaya Jenayah : Scammer Love Awang Hitam & Keganasan Gagak Hitam”	27 Mei 2016
8	Kursus Pengurusan Stress Dan Emosi Di Tempat Kerja Dan Gaya Hidup Sihat	26 – 27 Julai 2016
9	Kursus Pengurusan Tanah Persekutuan	9 – 11 Ogos 2016
10	Bengkel Pelaksanaan Inden Kerja Dan Taklimat Pengurusan Perolehan	22 – 23 Ogos 2016
11	Program Motivasi Dan Pengukuhan Rohani Warga JMM	15 September 2016
12	Kursus Keselamatan Dan Kecemasan Muzium Anjuran JMM	19 – 20 September 2016
13	Taklimat Berhubung Penggunaan E-perolehan Secara Dalam Talian Kepada Pembekal Jabatan Muzium Malaysia	22 September 2016
14	Taklimat Rang Undang-Undang Muzium Bil. 1/2016	23 September 2016
15	Pemukiman Penstrukturkan Perjawatan Dan Kumpulan Kerja Pengurusan & Profesional Jabatan Muzium Malaysia	7 – 9 Oktober 2016

Unit Dasar Dan Perancangan Strategik

Sepanjang tahun 2016, Unit Dasar dan Perancangan Strategik telah berjaya melaksanakan tugas dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan selaras dengan keperluan terutamanya menyelaras perhubungan dan kerjasama peringkat domestik dan antarabangsa seperti menguruskan kunjungan hormat dan lawatan rasmi dari dalam dan luar negara bagi memperluas jaringan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia dengan agensi luar.

- LAWATAN RASMI DALAM NEGARA 2016**

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1	Perbincangan bersama Encik Shahadan dari Balai Seni Lukis Negara (mendapat khidmat nasihat untuk melantik Muzium Negara di bawah pemegang amanah sempena projek Dataran Muzium)	Januari 2016 05	Balai Seni Lukis Negara
2	Perbincangan berkaitan Pameran Istana Czech / Czech Castle bersama Penasihat Undang-undang Kementerian	Januari 2016 14	KPK, Putrajaya
3	Kunjungan hormat dan jalinan kerjasama antara JMM dan Universiti Malaysia Kelantan	Februari 2016 22	Bilik Tetamu, Ketua Pengarah
4	Mesyuarat dan Lawatan Tapak berkaitan Program Museum Classic Ride/ Program Bersama Komuniti Sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2016	13 dan 14 April 2016	Muzium Padi, Gunung Keriang Alor Setar
5	Lawatan ke Batu Pahat, Johor untuk penyelidikan Wayang Kulit Purwo Sempena Pameran Wayang Kulit Nusantara: Simbolisma di Sebalik Layar	01 hingga 03 Ogos 2016	Batu Pahat, Johor
6	Lawatan ke Kedah untuk penyelidikan Wayang Kulit Gedek Sempena Pameran Wayang Kulit Nusantara: Simbolisma di Sebalik Layar	11 dan 12 Ogos 2016	Kedah

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
7	Perbincangan Rang Undang-undang Muzium 2016 peringkat akhir bersama Penasihat Undang-undang Kementerian	19 dan 20 September 2016	KPK, Putrajaya
8	Lawatan dan peminjaman koleksi Wayang Kulit Purwo Sempena Pameran Wayang Kulit Nusantara: Simbolisma di Sebalik Layar	10 November 2016	Batu Pahat, Johor
9	Kunjungan hormat Delegasi Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) ke Jabatan Muzium Malaysia	23 Disember 2016	Bilik Mesyuarat Petala Indera

• **LAWATAN RASMI LUAR NEGARA 2016**

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Kunjungan hormat National Museum of Czech	25 Februari 2016	Bilik VIP utama (hadapan Lobi)
2.	Kunjungan hormat National Discovery Museum Institute, Thailand	29 Mac 2016	Muzium Negara dan Muzium Tekstil Negara
3)	Kunjungan hormat National Folk Museum of Korea	21 dan 22 November 2016	Bilik VIP Ketua Pengarah dan Auditorium JMM



LAPORAN SEKTOR DASAR

• LAWATAN JMM KE LUAR NEGARA 2016

BIL	PESERTA	TAJUK	TEMPAT	TARIKH	ANJURAN
1.	En. Muhamad Faiz bin Azizan	Kursus: <i>ICCROM Conservation and Use of Southeast Asian Collections</i>	Bandung, Indonesia	07 hingga 27 Februari 2017	ICCROM dan JMM
2.	Cik Clarice ak Pain	Kursus SEAMEO SPAFA 2016 Workshop on Christian Art in Southeast Asia	Manila, Vigan City and Laoag City, Filipina	11 hingga 20 Mac 2016	SEAMEO SPAFA
3.	En. Samsol bin Sahar	2 nd SEAMEO SPAFA International Conference on Southeast Asian Archaeology	Bangkok, Thailand	29 Mei hingga 04 Jun 2016	SEAMEO-SPAFA dan JMM
4.	1) En. Kamarul Baharin bin A.Kasim 2) En. Ruslee bin Ariffin	Lawatan rasmi ke ASEAN Foundation, ASEAN Secretariat, Yayasan Tenun Indonesia dan Nasional Museum Indonesia	Jakarta, Indonesia	29 Mei hingga 01 Jun 2016	JMM
5.	Cik Kiew Yeng Meng	<i>International Workshop on the Maritime Route of the Silk Roads</i>	Quanzhou, China	06 hingga 10 Jun 2016	State Administration of Cultural Heritage, China
6.	En. Zamrul Amri bin Zakaria	<i>Workshop on Preservation of Collections and Museum Buildings by Integrated Pest Management Over South-East Asian Countries</i>	Muzium Nasional, Indonesia	25 hingga 29 Julai 2016	DIPA- Muzium Nasional Indonesia
7.	1) Pn. Zarinah binti Sarifan 2) Pn. Rosidah binti Abdullah	Penyelidikan Tenunan Songket	Sulawesi & Bali, Indonesia	12 hingga 16 Jun 2016	JMM
8.	1) Pn. Zarinah binti Sarifan 2) Pn. Raja Suriaty binti Raja Ahmed	Penyelidikan Tenunan Songket	Jakarta, Padang & Bukit Tinggi Indonesia	29 Julai hingga 02 Ogos 2016	JMM
9.	1) Cik Sitti Rabia binti Abd Rahman 2) En. Mohd Syahrul bin Ab. Ghani	Penyelidikan Tenunan Songket	Chiang Mai & Lampoon, Thailand Thainguyen & Hanoi, Vietnam Artisan Angkor, Cambodia	14 hingga 21 Ogos 2016	JMM

BIL	PESERTA	TAJUK	TEMPAT	TARIKH	ANJURAN
10.	1) En. Kamarul Baharin bin A. Kasim 2) En. Ruslee bin Ariffin 3) Pn. Eyo Leng Yan	24 th General Conference of The International Council of Museums (ICOM) dan Lawatan Rasmi ke Prague, Republik Czech	Milan, Itali & Prague, Republik Czech	01 hingga 14 Julai 2016	JMM
11.	1) Pn. Farizawati binti Sabri 2) En. Mohd Khairil bin Jemangin 3) En. Degor anak Johia	Lawatan rasmi ke Lee Kong Chian Natural History Museum dan Muzium Artscience	Singapura	26 hingga 28 Julai 2016	JMM
12.	En. Kamarul Baharin bin A. Kasim	Mesyuarat 31 st SEAMEO-SPAFA Governing Board Meeting	Bali, Indonesia	14 hingga 17 Ogos 2016	SEAMEO-SPAFA dan JMM
13.	En. Mohd Syahrul bin Ab. Ghani	<i>Capturing and Sharing Traditional Methods In Textile Preservation in Southeast Asia</i>	Bangkok, Thailand	22 hingga 26 Ogos 2016	SEAMEO SPAFA
14.	1) En. Mohd Azmi bin Mohd Yusof 2) En. Esa bin Haron	Lawatan kerja rasmi bagi mengadakan perbincangan dengan pihak AEC, China sempena pameran di Ningbo Museum, China	China	23 hingga 26 Ogos 2016	JMM
15.	En. Zainal bin Ariffin	International Forum on the Silk Road and Museums Cooperation	Chengdu, China	13 hingga 19 September 2016	ICOM China dan JMM
16.	En. Mohd Syahrul bin Ab. Ghani	<i>CollAsia Course – Conserving Textiles and Costumes</i>	Antigua, Guatemala	21 Oktober hingga 16 November 2016	ICCROM dan JMM
17.	Pn. Hadijah binti Mohd Yunus	Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa	Tehran, Iran	23 Oktober hingga 02 November 2016	Perbadanan Putrajaya dan JMM
18.	1) En. Mohd Jamil bin Haron 2) En. Mohd Fairuz bin Mohamed Kassim 3) En. Awangku Mohd Fadhl bin Ag Besar 4) Pn. Hamidah binti Mohd Tahir	Penyediaan Pemasangan Pameran Malaysia-China <i>Relations: from Ancient Time to the Future</i>	Ningbo Museum, China	14 hingga 19 Disember 2016	Art Exhibition China (AEC)
19.	1) En. Azmi bin Ismail 2) En. Esa bin Haron	Lawatan rasmi bagi menghadiri Perasmian Pameran Malaysia-China <i>Relations: from Ancient Time to the Future</i>	Ningbo Museum, China	18 hingga 23 Disember 2016	Art Exhibition China (AEC)

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pada tahun 2016, Unit Teknologi Maklumat telah melaksanakan dasar dan strategi teknologi maklumat (ICT) Jabatan Muzium Malaysia ke arah mewujudkan budaya ICT sebagai pemangkin kepada pemanfaatan aktiviti pemuziuman serta membantu, mengekal, memelihara dan menyebar maklumat warisan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi negara. Antara tugas yang telah dijalankan termasuklah:

■ Menaik Taraf Perisian Antivirus dan Penyelenggaraan Pencegahan Komputer

Perisian Antivirus terkini telah digunakan di JMM. Antivirus yang digunakan adalah Panda Endpoint Protection Plus. Perisian ini dipasang sepenuhnya ketika projek penyelenggaraan pencegahan dilaksanakan di Jabatan Muzium Malaysia dan semua muzium dibawahnya. Projek ini telah siap dilaksanakan pada 23 Ogos 2016.

■ Menyelenggara Sistem Firewall

Bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan terjamin, *Sistem Firewall* sentiasa dikemaskini dan diselenggara berdasarkan *bestpractices approach* yang terdapat dalam industri untuk memantau rangkaian daripada ancaman pencerobohan. Projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada 11 Ogos 2016.

■ Naik taraf Laman Web JMM

Laman Web rasmi Jabatan Muzium Malaysia telah dinaiktaraf kepada versi baru pada tahun 2016. Perbezaan yang paling ketara yang dapat dilihat adalah paparan antara muka yang lebih mesra pengguna, menarik dan mudah untuk digunakan. Selain itu, naik taraf ini juga melibatkan peningkatan versi CMS Drupal 7.40 kepada versi 7.53. Peningkatan CMS ini amat penting bagi mengelakkan Laman Web JMM dieksloitasi oleh penggodam. Naik taraf ini telah selesai pada 1 Disember 2016.



○ **Pembangunan Portal 1P1M Secara Dalaman (in-house):**

Pembangunan Portal 1P1M telah dilaksanakan secara dalaman. Tujuan portal ini dibangunkan adalah bertujuan untuk memberi informasi kepada guru dan pelajar mengenai Program 1P1M yang bakal dilaksanakan di muzium-muzium yang menyertai program ini. Portal 1P1M masih lagi dalam proses pembangunan berdasarkan maklumat yang telah diperolehi daripada Jawatan Kuasa 1P1M.

○ **Pembangunan Sistem Helpdesk HRMIS Secara Dalaman (in-house):**

Sistem Helpdesk HRMIS ini dibangunkan adalah bertujuan untuk membolehkan warga JMM memohon sokongan pengguna berkenaan HRMIS kepada pegawai yang bertanggungjawab secara dalam talian. Sistem ini akan digunakan bermula pada tahun 2017.

○ **Naik Taraf Sistem Tiket JMM Muzium Perak:**

Sistem dan perkakasan Sistem Tiket Muzium Perak telah digunakan secara *heavy-duty* melebihi 3 tahun. Pihak UTM mengambil keputusan untuk menaik taraf sistem tiket ini kerana khawatir perkakasan yang digunakan akan rosak dan tidak dapat diganti kerana perkakasan tersebut telah usang dan sudah tidak ada barang ganti. Kerja naik taraf telah selesai dan operasi Sistem Tiket Muzium Perak beroperasi seperti biasa pada 22 November 2016.

○ **Penilaian ProBE 2016 Laman Web JMM:**

Laman web rasmi JMM telah dinilai dan telah mendapat pengiktirafan 3 bintang berdasarkan kriteria (Provider Based Evaluation). Laman Web JMM telah gagal untuk memenuhi kriteria mandatori Downtime menyebabkan secara automatik dinilai 3 bintang. Punca utama kriteria ini tidak dapat dipenuhi kerana bekalan elektrik sentiasa terputus akibat pembinaan MRT yang menyebabkan laman web tidak dapat diakses.

1) Jumlah Pengunjung Laman Web JMM (www.jmm.gov.my)

TAHUN	PENGUNJUNG
2014	157,191
2015	152,900
(Jan-Nov) 2016	161,372

2) Jumlah Pengunjung Laman Web Muzium Negara (www.muziumnegara.gov.my)

TAHUN	PENGUNJUNG
2014	91391
2015	97788
(Jan-Nov) 2016	89,212

**3) Jumlah Pengunjung Laman Web Muzium Tekstil Negara
(www.muziumtekstilnegara.gov.my)**

TAHUN	PENGUNJUNG
2014	5,654
2015	5,636
(Jan-Nov) 2016	8,149

○ Perluasan Sistem MUSECORE:

Sistem ini telah mula digunakan di Ibu Pejabat JMM pada tahun 2015. Sepanjang tahun 2016, sistem tersebut telah juga ditambahbaik terutamanya bagi modul laporan, modul kemasukan data koleksi, fungsi carian, antaramuka, *dashboard* dan aliran kerja konservasi. Pembetulan-pembetulan ralat juga berjaya diselesaikan di sepanjang tempoh penyelenggaraan. Penggunaan sistem telah diperluaskan ke beberapa buah muzium iaitu Muzium Perak, Muzium Tekstil dan Muzium Seni Kraf Orang Asli.

The screenshot shows a web-based application for managing artifacts. At the top, there is a search form with fields for 'Caril...' (Search), 'Nama Pegawai' (Staff Name), 'Status' (Status), and 'Sort By'. Below the search form, there is a pagination control showing 'Page (426)' with links from 1 to 11, followed by 'Next > Go to page: /426 Pages' and '(Jumlah Rekod : 8513)'. A note below says 'Total Record Filter : 20'. There is also an 'Add New' button. The main area displays a table of artifacts with the following columns: No, No Pendaftaran, Nama Artifik, Lokasi, Gambar Artifik, Gambar Tambahan, Maklumat Terperinci, Pentadbir Maklumat, Pegawai Pelulus, Ubah, Hapus, Hantar, Lukut, Tindak Lulus, and Status. Three rows of artifact data are shown:

No	No Pendaftaran	Nama Artifik	Lokasi	Gambar Artifik	Gambar Tambahan	Maklumat Terperinci	Pentadbir Maklumat	Pegawai Pelulus	Ubah	Hapus	Hantar	Lukut	Tindak Lulus	Status
1	E0A582016	MODEL RUMAH PANANG MASYARAKAT ORANG ASLI	Muzium Perak				Nor Aini bt Hassan	Nor Hanisah bt Ahmad			-	-	-	Draft
2	K022	KAMPIT KECIL	Muzium Perak				Nor Aini bt Hassan	Nor Hanisah bt Ahmad			-	-	-	Draft
3	E0A572016	TABUNG BULUH BERMOТИF	Muzium Perak				Nor Aini bt Hassan	Nor Hanisah bt Ahmad			-	-	-	Draft

○ **Sistem e-Latihan:**

Sistem e-Latihan telah mula digunakan pada tahun 2004. Sehingga tahun 2016, sistem tersebut telah beberapa kali mengalami perubahan dan dinaiktaraf mengikut keperluan semasa pengguna. Sebanyak empat (4) modul baharu telah ditambah iaitu permohonan kursus oleh warga/bukan warga JMM, pengisian *Training Needs Analysis*, penilaian keberkesanan kursus selepas 3 bulan dan laporan kehadiran kursus. Secara tidak langsung, sistem tersebut dapat membantu JMM ke arah pengurangan penggunaan kertas (ICT hijau). Sistem ini akan mula digunakan pada awal tahun 2017.



○ **Bengkel Prototaip Naik Taraf Sistem e-Latihan:**

Bagi melancarkan naik taraf sistem e-Latihan, satu bengkel prototaip telah diadakan pada 10-12 November 2016 di Gold Coast Morib, Sepang. Tujuan bengkel tersebut diadakan adalah untuk mendapatkan input daripada peserta-peserta yang terdiri daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, Unit Teknologi Maklumat, Unit Pembangunan Modal Insan dan wakil-wakil pengguna mengenai prototaip sistem yang telah dibangunkan. Bengkel keperluan pengguna dan juga sesi penerimaan sistem juga telah pun diadakan bagi memastikan sistem berfungsi mengikut keperluan pengguna.



◆ Sistem Tawaran Artifak JMM

Sistem ini telah dibina untuk kegunaan individu-individu atau organisasi yang berminat untuk menyumbangkan atau menyerahkan artifak kepada Jabatan Muzium Malaysia. Dengan adanya sistem ini, permohonan tawaran artifak dapat dibuat secara atas talian dengan lebih telus dan menjimatkan masa tanpa perlu hadir ke JMM. Secara tidak langsung, sistem ini dapat membantu JMM ke arah pengurangan kertas (ICT hijau). Sistem ini akan mula digunakan pada awal tahun 2017.

The screenshot shows a Windows desktop environment with multiple browser tabs open. The active tab displays a web-based form titled 'Sistem Tawaran Artifak JMM'. The form is divided into sections: 'Borang A - Maklumat Peribadi' (Personal Information) and 'Borang B - Maklumat Artifak' (Artifact Information). The 'Borang A' section contains fields for 'NAMA:' (Name), 'NOMBOR KAD PENGENALAN:' (NRIC Number), 'NOMBOR TELEFON:' (Phone Number), and 'NOMBOR FAKSIMILI:' (Fax Number). The 'Borang B' section is partially visible below. The browser's address bar shows the URL as 'localhost/multiplesystem'. The taskbar at the bottom shows icons for various applications like File Explorer, Microsoft Word, and Microsoft Excel.

◆ Sistem Kondisi Artifak JMM

Sistem ini telah dibina untuk kegunaan Bahagian Pengurusan Konservasi untuk menilai kondisi artifak mengikut gred. Sistem ini terdiri daripada 4 seksyen untuk menilai kondisi artifak dan cadangan untuk rawatan artifak mengikut gred kondisi.

The screenshot shows a Windows desktop environment with multiple browser tabs open. The active tab displays a web-based form titled 'SISTEM KONDISI ARTIFAK JMM'. The form is divided into sections: 'SEKSYEN A - PENGKENALAN ARTIFAK' (Section A - Artifact Identification) and 'SEKSYEN B - KONSERVASI' (Section B - Conservation). The 'SEKSYEN A' section contains fields for 'TARIKH PENILAIAN' (Date of Examination), 'LOKASI PENILAIAN' (Location), 'NO PENDAFTARAN' (Registration Number), and 'NAMA ARTIFAK' (Artifact Name). Below these fields are 'Reset' and 'Next' buttons. The 'SEKSYEN B' section is partially visible. The browser's address bar shows the URL as 'localhost/multiplesystem'. The taskbar at the bottom shows icons for various applications like File Explorer, Microsoft Word, and Microsoft Excel.

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau aktiviti sumber manusia, kewangan, pentadbiran dan keselamatan.

- **Senarai Perjawatan**

Jabatan Muzium Malaysia telah diluluskan waran perjawatan yang baru E86 berkuat kuasa 1 Julai 2016. Jumlah perjawatan sehingga kini ialah 418 dengan jumlah pengisian 365 dan masih terdapat kekosongan sebanyak 53 jawatan dari pelbagai gred dan skim perkhidmatan.

- **Lantikan Baru**

Jabatan Muzium Malaysia melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah diluluskan pengambilan baru bagi jawatan Penolong Kurator S29. Seramai 6 orang Penolong Kurator telah melapor diri berkuat kuasa 7 November 2016. Selain itu juga, Jabatan Muzium Malaysia telah menerima 3 orang Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19 lantikan baru, seorang pereka Gred B19, lantikan dari Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan seorang Penjaga Jentera Elektrik Gred J19 kader dari Kementerian Kerja Raya. Pertukaran pegawai/kakitangan sama ada keluar atau masuk ke Jabatan sentiasa berlaku mengikut keperluan dan permintaan/permohonan daripada pegawai/kakitangan.

- **Persaraan**

Seramai 4 orang pegawai/kakitangan dari Jabatan Muzium Malaysia telah bersara. Majlis meraikan pesara peringkat Kementerian telah diadakan pada 2 Disember 2016. Pesara telah menerima Sijil Penghargaan dan Sijil Simpanan Premium dari Bank Simpanan Nasional berjumlah RM400.00 setiap seorang. Penyampaian sijil telah disempurnakan oleh YBhg.Tan Sri Dr. Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Majlis yang sama pada peringkat Jabatan juga telah diadakan pada 22 Julai 2016.

- **Kenaikan Pangkat**

Urusan kenaikan pangkat adalah salah satu keutamaan aktiviti bagi Unit Pengurusan Sumber Manusia. Tahun 2016 seramai 16 orang pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional telah diperakurkan kenaikan pangkat secara hakiki dan juga secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Manakala bagi Kumpulan B seramai 4 orang telah terlibat dalam urusan ini. Kumpulan C mencatatkan jumlah tertinggi bagi urusan kenaikan pangkat secara TBBK pada tahun 2016. 13 orang kaki tangan dari Kumpulan D juga terlibat dalam urusan ini dengan 4 orang kenaikan pangkat secara hakiki dan selebihnya secara TBBK.

UPSM telah mengadakan Majlis Apresiasi Warga JMM pada 22 Julai 2016. Majlis diadakan bagi meraikan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang seramai 29 orang, penerima penghargaan Perkhidmatan 25 tahun, 7 orang dan pesara 2016 4 orang. Majlis telah diadakan di Auditorium, Jabatan Muzium Malaysia dengan kehadiran kesemua warga Jabatan Muzium Malaysia. Sambutan majlis tersebut telah diadakan bersekali dengan sambutan Hari Raya untuk warga JMM.

UPSM juga terlibat sama menjadi Urus Setia Peperiksaan bagi Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan bersama dengan Unit Latihan, Kementerian Pelancongan dan kebudayaan Malaysia bagi peperiksaan Skim Permuziuman. Antara tugas Urusetia ialah menyediakan keperluan barang peperiksaan terutama yang melibatkan Peperiksaan Amali, penyediaan tempat peperiksaan dan juga taklimat peperiksaan bagi calon-calon peperiksaan. Peperiksaan ini telah diadakan pada 27 September hingga 11 Oktober 2016 dengan jumlah calon seramai 30 orang.

Bagi memenuhi keperluan perjawatan Jabatan Muzium Malaysia satu *Retreat Penstrukturan Carta Organisasi* telah diadakan pada 7-8 Oktober 2016 di Mahkota Parade di Melaka bertujuan untuk mengkaji balik struktur carta dan kedudukan pegawai/kakitangan mengikut kesesuaian gred di bahagian/unit/muzium yang berkenaan.



Pelawat sedang seronok bermain permainan tradisional.



Pelawat menjawab soalan kuiz melalui pusingan di 'roda impian'.



Bengkel Seni Khat Kontemporari





Kursus Keselamatan



Karnival Kebudayaan dan Kesenian Jepun



Bengkel pembuatan arca penguin



Program Frank Night



Seminar Tenunan Songket Asean



Bicara Kurator Perdana

LAPORAN SEKTOR PERMUZIUMAN

- **Penyelidikan dan Dokumentasi**
- **Pameran dan Pengembangan**
- **Laporan Muzium-muzium persekutuan**







LAPORAN SEKTOR PERMUZIUMAN

PROFIL



Sektor Permuzuman terdiri dari Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi, Bahagian Pameran dan Pengembangan serta 22 buah muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia. Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi melibatkan Unit Penyelidikan, Unit Penerbitan dan Dokumentasi serta Unit Perpustakaan. Manakala, Bahagian Pameran dan Pengembangan terdiri daripada Unit Perkhidmatan Muzium, Unit Pendidikan Muzium dan Unit Sumber Media. Muzium-muzium pula terdiri daripada Muzium Negara, Muzium Alam Semulajadi, Muzium Etnologi Dunia Melayu, Muzium Tekstil Negara, Muzium Perak, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Muzium Kota Kayang, Muzium Adat, Muzium Sg. Lembing, Galeria Perdana, Muzium Diraja, Muzium Automobil Nasional, Muzium Matang, Muzium Kota Johor Lama, Muzium Lukut, Muzium Muzik, Muzium Labuan, Muzium Chimney dan Muzium Marin Labuan serta Bahagian Komunikasi Korporat.

Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi (BPD) memainkan peranan penting dalam merealisasikan visi Jabatan Muzium Malaysia iaitu bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan dan penyelarasan program penyelidikan di Jabatan, meningkatkan hasil penyelidikan dalam bidang sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi serta penerbitan hasil penyelidikan sebagai koleksi Jabatan dan sebagai sumber rujukan penyelidik. Manakala, Bahagian Pameran dan Pengembangan pula bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pelaksanaan program khidmat nasihat pameran, program *outreach* (pengembangan) dan program pendokumentasian dalam bentuk fotografi dan video.

LAPORAN PENCAPAIAN TAHUN 2016

LAPORAN BAHAGIAN PAMERAN DAN PENGEMBANGAN

Jabatan Muzium Malaysia sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan melalui medium pameran telah memberikan tumpuan kepada pengaturan pameran selaras dengan *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) bagi tahun 2016 iaitu meningkatkan pengaturan pameran berkualiti dan meningkatkan bilangan pengunjung. Sepanjang tahun 2016, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya melaksanakan sembilan (9) pameran sementara, enam pameran luar dan dua aktiviti yang melibatkan khidmat kepakaran. Secara perbandingan mengikut tahun lalu, JMM telah melaksanakan 3 pameran sementara dan 4 pameran luar.



- Pameran Istana Czech**

Jalinan kerjasama di antara Jabatan Muzium Malaysia dan Republik Czech telah direalisasikan dengan di adakan Pameran Istana Czech di Galeri Diraja, Jabatan Muzium Malaysia dari 28 Februari hingga 30 Mac 2016. Pameran ini membawa pengunjung menghayati dan mempelajari sedikit sebanyak mengenai kehebatan dan kemegahan istana yang terdapat di Republik Czech. Sebanyak 37 model Istana terkemuka seperti Cesk, Litomsyi, Kost dan Telc dipamerkan kepada pengunjung sepanjang pameran ini berlangsung. Sebahagian Istana yang dipamerkan ini telah dibina pada abad ke-13 dan masih terpelihara sehingga kini. Rentetan dari itu pada 29 Februari 2016, majlis perasmian Pameran Istana Czech telah disempurnakan oleh YBhg Tan Sri Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha,



Majlis perasmian Pameran Istana Czech telah disempurnakan oleh YBhg Tan Sri Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia



Pameran Istana Czech



Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Turut hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Duta dan Pesuruhjaya serta lebih kurang 150 orang tetamu jemputan.



- **Pameran Estetika Perak dan Tembaga**

Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan pameran berprestij berjudul Pameran Estetika Tembaga dan Perak bermula pada 1 Mac hingga 1 Julai 2016 bertempat di Galeri 3, Jabatan Muzium Malaysia. Terdapat 257 koleksi yang dipamerkan bermula dari zaman Parsi hingga ke zaman sebelum kemerdekaan negara. Antara koleksi terbaik adalah piala HMS Malaya, set tapak sireh Sultan Abdul Samad, gantang, cerek, kacip dan seterika tembaga. Selain itu, turut dipamerkan jam meja tembaga, cermin muka berayat, replika gambang dan bekas watikah. Usia koleksi tersebut ada yang mencelah ratusan tahun dan diperoleh hasil sumbangan daripada pihak luar.

- **Pameran Satu Malaysia, Satu Cerita**

Bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan yang ke 59 tahun, Jabatan Muzium Malaysia telah mengambil inisiatif mengadakan Pameran Satu Malaysia, Satu Cerita. Pameran yang berlangsung mulai 18 Ogos sehingga 30 September 2016 memberi makna besar kepada rakyat Malaysia agar dapat menyelami suka duka pejuang dahulu mencari penyelesaian ke arah kemerdekaan. Ia dipaparkan menerusi segmen ‘Bersatu Kita Teguh’ yang mengetengahkan perjuangan, pengorbanan, kebijaksanaan mengatur strategi serta penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang.



• Pameran Silang Budaya 2016

Pameran Silang Budaya yang diadakan pada 1 Ogos 2016 sehingga 28 Ogos 2016 di Galeri 1, Jabatan Muzium Malaysia adalah berkonsepkan pameran bergerak. Program Silang Budaya 2016 yang dikelolakan oleh Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang merangkup Pengurus Pameran dan Jawatankuasa Pendidikan 2016 di bawah Persatuan Muzium Malaysia telah menjelajah ke enam buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Johor dan Perak.

• Pameran Gambus Serantau

Gabungan keunikan seni ukiran gambus dari Malaysia, Brunei dan Indonesia dapat dilihat sendiri orang ramai terutama peminat alat muzik tradisional itu melalui Pameran Gambus Serantau anjuran Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Pameran di Muzium Negara yang bermula 21 November 2015 hingga 30 April 2016 tersebut dianjurkan dengan tujuan menyalurkan maklumat kepada masyarakat berhubung sejarah dan falsafah alat muzik tradisional. Selain itu, pameran yang julung kalinya diadakan ini juga adalah untuk mengangkat gambus sebagai alat muzik tradisional yang melambangkan budaya seni warisan negara. Sebanyak 68 gambus dan 300 aksesori berkaitan dipamerkan menerusi penglibatan daripada pelbagai agensi dan institusi seperti Jabatan Muzium Sabah, Yayasan Warisan Johor, Universiti Malaya, Pertubuhan Gambus Malaysia dan Persatuan Masyarakat Brunei Sabah.

• Pameran Wayang Kulit Nusantara: Simbolisme Di Sebalik Layar

Pameran Wayang Kulit Nusantara: Simbolisme Di Sebalik Layar yang berlangsung pada 15 November 2016 sehingga 15 Februari 2016 di Galeri 3, Jabatan Muzium Malaysia adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat umum tentang kepelbagaian watak dan simbolisme dalam wayang kulit di rantau Nusantara yang diwarisi sejak zaman berzaman. Pameran ini mempunyai 5 segmen utama yang merangkumi pengenalan, simbolisme watak, pembuatan wayang kulit, ritual dan persembahan, konservasi wayang kulit, ruang penerokaan serta evolusi wayang kulit. Di samping poster grafik, pameran ini juga turut mempamerkan pelbagai koleksi wayang kulit milik Jabatan Muzium Malaysia serta koleksi wayang kulit yang dipinjam daripada pihak luar. Selain itu juga, aktiviti pendidikan seperti *Do It Yourself (DIY) Wayang Kulit* turut diadakan sepanjang pameran berlangsung.



Majlis Perasmian Pameran Gambus

- **Pameran Khabar dari Antartika**


Pameran Khabar dari Antartika yang telah berlangsung pada 21 November 2016 sehingga 4 Disember 2016 merupakan sebuah pameran hasil kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dengan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya iaitu Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) dan Institut Perubahan Iklim. Tujuan pameran ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan rakyat Malaysia mengenai kaitan Antartika dengan perubahan iklim, mendidik rakyat Malaysia tentang peranan mereka sebagai individu dalam usaha menangani masalah perubahan iklim dan mendapatkan komitmen rakyat Malaysia untuk melaksanakan perubahan dalam usaha mengurangkan kadar perubahan iklim.

- **Pameran Tenunan Songket**

Pameran Tenunan Songket telah berlangsung dari 16 Oktober hingga 31 Disember 2016 di Galeri 1 dan 2, Jabatan Muzium Malaysia. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia, Tengku Puan Pahang, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj pada 18 Oktober 2016 yang lalu. Selain daripada pameran, program sampingan seperti Seminar Songket ASEAN dan jualan serta demonstrasi turut diadakan. Pameran ini turut menggabungkan kerjasama banyak pihak, bukan sahaja dalam kalangan para pelajar dan pensyarah tekstil, malahan para penggiat tenunan songket seperti agensi dan jabatan terbabit di dalam dan luar negara, para ilmuan, NGO serta kelompok penenun yang berpengalaman mengenai songket berteraskan sosio-budaya di negara masing-masing. Antara agensi yang terlibat menjalankan kerjasama dengan Jabatan Muzium Malaysia melalui pameran ini ialah Creative Media Technology Hub, UiTM, Jabatan Penjara Malaysia, Perbadanan Kraftangan Malaysia, Yayasan Tuanku Nur Zahirah, Museum Nasional Indonesia,



Majlis perasmian Pameran Tenunan Songket pada 18 Oktober 2016.



Universitas Makassar, D' Artisan Angkor, Kemboja, The Museum of Culture of Vietnam's Ethnic Groups dan Lamphun Weaving Learning Centre, Thailand.



- **Pameran Wayang Kulit Nusantara**

Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan Pameran Wayang Kulit Nusantara: Simbolisme di Sebalik Layar bermula pada 15 November 2016 sehingga 28 Februari 2017 di Galeri 3, Jabatan Muzium Malaysia. Pameran ini secara umumnya mengetengahkan pelbagai jenis wayang kulit yang didatangkan daripada beberapa negara jiran antaranya wayang kulit Melayu, wayang kulit gedek, wayang kulit purwa (atau wayang kulit Jawa) dan wayang kulit Siam.

LAPORAN BAHAGIAN PENYELIDIKAAN DAN DOKUMENTASI

Jabatan Muzium Malaysia turut giat melaksanakan program penyelidikan yang merupakan satu bidang teras permuziuman. Penyelidikan yang dilaksanakan oleh JMM tertumpu kepada aspek sejarah, budaya, alam semulajadi, konservasi dan koleksi. Bagi tahun 2016, JMM telah melaksanakan empat (4) program penyelidikan utama iaitu;

1. Penyelidikan Koleksi JMM dalam Aspek Sejarah Simbol (Burung) - JMM dan EFEQ
2. Penyelidikan Kubur Lama Tanjung Keramat, Labuan
3. Penyelidikan Perkuburan Lama di Kg. Chohong, Jasin
4. Penyelidikan Wayang Kulit sempena Pameran Wayang Kulit Nusantara:
Simbolisme Di Sebalik Layar



Penyelidikan Sejarah Perkuburan Lama di Kg. Chohong, Jasin



Penyelidikan Sejarah Perkuburan Lama di Kg. Chohong, Jasin

SENARAI SEMINAR / FORUM / BICARA JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2016

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	Bicara Kurator Koleksi Bangau Perahu: Simbol & Motif oleh: En. Nasrulmiazam Mohd Nasir, Pengarah Muzium Adat.	19 April 2016
2.	Bicara Orang Asli: Melestarikan Seni Persembahan Orang Asli oleh: Dr Clare Chan Suet Ching	29 April 2016
3.	Bicara Kurator Tamadun Lembah Bujang: Prospek Arkeologi dan Pelancongan oleh: En. Azman Adam, Pengarah Muzium Arkeologi Lembah Bujang	29 September 2016
4.	Bicara Kurator Seni Alat Tenun oleh: Pn. Rosidah Abdullah, Kurator Kanan, Muzium Tekstil Negara	10 November 2016
5.	Seminar Kearifan Tempatan Siri 2 Pemeliharaan Kearifan Tempatan: Pemindahan & Pengurusan Ilmu oleh:	8 September 2016
6.	Seminar Tenunan Songket ASEAN: Penyatuan & Kelestarian oleh:	19 Oktober 2016
7.	Seminar Wayang Kulit: Simbolisme di Sebalik Layar oleh:	3 November 2016

**1) SEMINAR KEARIFAN TEMPATAN SIRI 2 PEMELIHARAAN KEARIFAN TEMPATAN:
PEMINDAHAN & PENGURUSAN ILMU**

PENGENALAN

Kearifan Tempatan (Local Knowledge) merujuk kepada ilmu dan kepakaran yang berasal daripada budaya tempatan, berkembang dari semasa ke semasa dan kemudianya diserap masuk ke dalam masyarakat. Ia merupakan sejumlah ilmu yang disimpulkan daripada pengalaman sebenar yang dialami dalam waktu yang sangat panjang. Ilmu ini berakarkan budaya tempatan di Malaysia khasnya dan nusantara amnya.

OBJEKTIF

- i. Menggalur Kearifan Tempatan
- ii. Memperkenalkan ilmu tempatan yang murni dan kontemporari
- iii. Merekayasa Kearifan Tempatan menjadi ilmu baharu
- iv. Memelihara dan memulihara ilmu tempatan

2) SEMINAR TENUNAN SONGKET ASEAN: PENYATUAN & KELESTARIAN

PENGENALAN

Seminar Songket ASEAN : Penyatuan dan Kelestarian ini merupakan salah satu program yang diadakan bersempena dengan Pameran Tenunan Songket ASEAN, Ratu Kain : Satu Rumpun, Satu Warisan. Seminar ini akan menampilkan 6 orang pembentang dari negara Malaysia, Indonesia, Thailand dan juga Brunei berdasarkan kepada kredibiliti dan kepakaran dalam bidang tekstil, terutamanya tenunan. Tema seminar ini, iaitu Penyatuan dan Kelestarian dipilih berdasarkan kepada objektif seminar ini iaitu untuk meneruskan kelangsungan pemeliharaan dan pemuliharaan kain songket di bawah satu rumpun yang sama dengan keunikannya yang tersendiri. Tema ini bersesuaian dengan perkembangan pesat tenunan kain songket di Negara ASEAN sehingga dapat menembusi pasaran Eropah.

OBJEKTIF

- i. Menampilkan kepelbagai dan keunikan kain songket di Negara ASEAN.
- ii. Melonjakkan kain songket sebagai Ratu Kain ASEAN.
- iii. Platform kepada pencinta songket dan juga masyarakat untuk saling bertukar idea dan berkongsi pandangan untuk menyemarakkan lagi industri songket.
- iv. Songket sebagai pengikat kepada setiaawan di antara Negara ASEAN.

3) SEMINAR WAYANG KULIT: SIMBOLISME DI SEBALIK LAYAR


PENGENALAN

Wayang kulit merupakan sejenis teater tradisional yang popular dalam kalangan masyarakat Asia Tenggara sebelum kedatangan pelbagai seni hiburan dan persembahan moden yang kebanyakannya berasaskan media elektronik. Ia merupakan satu bentuk persembahan teater yang menggunakan prinsip cahaya dan bayang. Bayang-bayang daripada patung-patung kulit yang terdiri daripada pelbagai watak mitologi dan khayalan dimainkan oleh seorang Tok Dalang. Simbolisme dalam wayang kulit pula bermaksud penggunaan simbol (lambang) bagi menyampaikan maksud-maksud tertentu dengan lebih terperinci, serta memerlukan pemahaman yang mendalam terhadapnya. Pelbagai elemen yang mewarnai persembahan wayang kulit merupakan simbol-simbol kepada dunia manusia dan dunia ghaib sebagai mana pandangan masyarakat Nusantara berkaitan alam semulajadi dan alam roh.

Kesenian Wayang kulit ini bukan sahaja sebagai hiburan semata-mata malahan menyelitkan unsur-unsur nasihat kepada penonton melalui simbol-simbol yang dapat dilihat serta proses persembahan wayang kulit mulai dari awal pembikinan wayang kulit sehingga selesai persembahan. Wayang kulit pada dasarnya merupakan satu alat perhubungan masyarakat di samping pengutaraan kesenian serta kadangkala dikaitkan dengan unsur ritual dalam sesebuah masyarakat. Aliran cerita, bentuk patung dan watak masih lagi mengekalkan keaslian dan pengaruh asalnya tetapi pada adegan-adegan kelakar ‘comic relief’ yang sering terdapat di sepanjang cerita wayang kulit jelas mengemukakan unsur -unsur tempatan dari segi bahasa dan juga peristiwa-peristiwa yang digambarkan.

OBJEKTIF

- i. Mengetengahkan koleksi Wayang Kulit Nusantara khususnya dari Malaysia dan Indonesia.
- ii. Memberi pengetahuan dan pendidikan kepada pengunjung berkaitan kesenian Wayang Kulit Nusantara terutamanya berkaitan penggunaan watak dan simbol.
- iii. Memberi informasi kepada pengunjung berkaitan kesenian yang satu masa dahulu berperanan sebagai medium perhubungan kepada masyarakat.
- iv. Memberi kesedaran kepada masyarakat supaya menghargai seni tradisional yang semakin dilupakan akibat kemunculan hiburan dan persembahan moden pada alaf ini dan sekaligus membentuk jati diri mereka.



A) BICARA KURATOR

Bicara Kurator adalah podium yang terbuka kepada semua kakitangan di Jabatan Muzium Malaysia untuk berbicara tentang aspek permuziuman sama ada yang dilaksanakan menerusi kaedah kajian dan penyelidikan atau yang diperolehi menerusi pengalaman kerja, kemahiran serta latihan. Ia turut memberi peluang kepada mereka yang terlibat untuk berkongsi dan bertukar-tukar pendapat, buah fikiran, akal budi, muslihat, nasihat, panduan, pedoman, pengajaran, teladan, kepakaran mahupun bimbingan kepada rakan-rakan sekerja yang lain selama mereka berkhidmat di Jabatan ini menerusi pengalaman yang diperolehi.

a) Koleksi Bangau Perahu: Simbol & Motif

Abstrak

Kegiatan perolehan terhadap koleksi hiasan perahu khususnya bangau pada perahu telah bermula sejak awal penubuhan Muzium Negara pada tahun 1963. Sebahagian daripada koleksi bangau ini pernah dipamerkan dan dicatatkan oleh Mubin Sheppard dalam Museum Federation Journal 1963. Koleksi ini merupakan antara koleksi bangau yang unik dan amat sukar ditemui pada masa sekarang. Ini kerana koleksi bangau yang dimiliki oleh JMM mewakili hampir setiap jenis perahu yang pernah digunakan di Pantai Timur seperti perahu payang, payang buatan barat, sekoci, kolek, kolek kue, jalora dan bedar. Kajian ini menumpukan kepada 60 koleksi bangau dengan meneliti penggunaan tema dan motif pada koleksi bangau perahu yang berada di repositori Jabatan Muzium Malaysia. Selain itu, penelitian ini turut mengenal pasti koleksi bangau berdasarkan klasifikasi perahu serta menilai falsafah disebalik penciptaan objek bangau sebagai hiasan perahu.

b) Tamadun Lembah Bujang: Prospek Arkeologi dan Pelancongan

Abstrak

Lembah Bujang merupakan kawasan yang dipenuhi dengan pelbagai khazanah alam dan keunikan tersendiri. Adalah dikatakan kawasan Lembah Bujang telah pun mempunyai suatu sistem pentadbiran dan pemerintahan yang tersusun. Justeru tidak hairanlah kawasan ini menjadi tumpuan para pedagang dan pengembara untuk singgah serta menjadikan Lembah Bujang destinasi persinggahan mereka. Keadaan lautnya yang dalam serta kemudahan persekitaran dibantu dengan bentuk muka bumi yang sesuai adalah aset semulajadi warisan Lembah Bujang. Tambahan pula dengan adanya gunung Jerai yang berketinggian 1217 meter dari aras laut berfungsi sebagai ‘rumah api’ kepada semua pedagang timur dan barat. Malah dikatakan gunung jerai adalah sebagai perlambangan suci bagi pengikut agama hindu yang berada di situ. Sehingga kini kawasan Lembah Bujang adalah seluas 450 km persegi yang merangkumi sempadan antara Cheruk Tokun di bahagian Selatan dan Bukit Choras di bahagian Utara. Kertas kerja ini akan cuba menjelaskan tentang sejarah Lembah Bujang dan penyelidikan arkeologi serta prospek pelancongan ke atas Kedah amnya. Selain itu beberapa tempat menarik serta tapak arkeologi akan disentuh selain cadangan penambahbaikan tempat eko pelancongan akan dibincangkan secara tuntas.

c) Seni Alat Tenun

Abstrak

Seni Alat Tenun tajuk yang dipilih hasil dari kajian dan pengumpulan maklumat berkisar kepada koleksi peralatan tenun yang terdapat di Jabatan Muzium Malaysia dan Muzium Tekstil Negara. Kebanyakan alat tenun ini diperolehi secara hadiah atau sumbangan dan pembelian melalui perolehan harta warisan. Alat tenun dan perkakasan yang dikenalpasti terdiri daripada Kek Siam di Kelantan dan Terengganu, Kek Melayu di Pahang dan Alat Tenun Sandang di Sarawak dan Sabah. Peralatan seperti ini banyak terdapat di Asia Tenggara dan menerangkan penggunaan serat atau benang, kaedah mewarna dan teknik menenun.

d) Melestarikan Persembahan Orang Asli

Abstrak

Terdapat banyak kumpulan budaya Orang Asli yang dijemput untuk mempersembahkan muzik dan tarian mereka, seperti Sewang, Main Jo'oh, Pinloin, Belian dan sebagainya kepada pelancong tempatan, antarabangsa dan orang-orang kenamaan. Kumpulan pendukung budaya Orang Asli menekankan identiti budaya mereka dengan penciptaan semula persembahan warisan nenek moyang yang telah diperhalusi. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa muzik dan tarian yang tradisional masih sekali-sekala dipersembahkan di beberapa kampung untuk tujuan perayaan dan ritual, banyak persembahan orang Asli hari ini telah digubah semula dan dipersembahkan secara komersial untuk tatapan pelancong.

Pengkaji mempersoalkan adakah persempahan sebegini memainkan fungsi sosial yang bermakna serta dapat dilestarikan dalam masyarakat Orang Asli hari ini? Adakah generasi yang akan datang menunjukkan minat dan turut serta dalam persempahan budaya warisan Orang Asli sebegini? Pengkaji turut mempersoalkan bagaimana Orang Asli dapat mencipta semula warisan muzik dan tarian mereka untuk memainkan peranan yang lebih berfungsi dan bermakna kepada masyarakat Orang Asli pada hari ini. Bagaimanakah Orang Asli dapat merapatkan jurang antara citarasa generasi muda dengan keinginan generasi tua untuk mengekalkan warisan tradisi budaya mereka? Dalam ceramah ini, pengkaji mencadangkan beberapa kaedah di mana budaya warisan tradisional dapat terintegrasi dengan minat generasi muda Orang Asli terhadap muzik moden hari ini.

PERMOHONAN PELAJAR DAN PENYELIDIK LUAR 2016

Bahagian penyelidikan yang menerima pelajar yang berminat untuk membuat penyelidikan berkaitan bidang permuziuman seramai 72 orang pelajar daripada pelbagai Universiti seperti pecahan berikut:

BIL.	UNIVERSITI	JUMLAH
1.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	29
2.	Kolej Universiti Tengku Abdul Rahman	13
3.	Universiti Malaya	9
4.	Universiti Islam Antarabangsa	4
5.	Universiti Malaysia Kelantan	2
6.	Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah	2
7.	Universiti Teknologi Malaysia	3
8.	Universiti Pendidikan Sultan Idris	1
9.	Taylor Universiti	1
10.	Multimedia Universiti	1
11.	Institut Kemahiran Belia Negara	1
12.	UCSI Universiti	2
13.	Universiti Malaysia Sarawak	1
14.	Monash Universiti	1
15.	Universiti Kebangsaan Malaysia	1
16.	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	1
	JUMLAH KESELURUHAN	72 ORANG

PENERBITAN

Penerbitan merupakan wahana penting bagi JMM dalam mengekal, mengumpul dan menyebarkan maklumat serta pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara kepada masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat pembaca di seluruh dunia amnya seiring dengan matlamat, visi dan misi JMM. Pada tahun 2016, JMM telah menerbitkan 18 judul buku seperti di dalam Jadual 2



BIL	TAJUK	SINOPSIS
1.	Buku program Bengkel Nazam dalam Kalangan Penjawat Awam di Negeri Melaka	Buku Program Sempena Bengkel Nazam dalam kalangan penjawat awam di negeri Melaka tahun 2016 yang telah diadakan pada 5 April 2016 di Balai Adat, Perkampungan Hang Tuah, Duyong Melaka.
2.	Prosiding Seminar Etnoarkeologi Kebangsaan: Etnoarkeologi, Etnografi dan Orang Asli	Buku Prosiding Sempena Seminar Etnoarkeologi Kebangsaan: Etnoarkeologi, Etnografi dan Orang Asli yang diadakan pada 2 hingga 3 Ogos di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Program NBOS Jabatan Muzium Malaysia dengan pihak Universiti Sains Malaysia.
3.	Buku Program Perasmian Seminar Etnoarkeologi Kebangsaan: Etnoarkeologi, Etnografi dan Orang Asli	Buku Program sempena Seminar Etnoarkeologi Kebangsaan: Etnoarkeologi, Etnografi dan Orang Asli yang diadakan pada 2 hingga 3 Ogos di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Program NBOS Jabatan Muzium Malaysia dengan pihak Universiti Sains Malaysia.
4.	Laporan Tahunan 2015	Laporan tahunan pencapaian Jabatan Muzium Malaysia sepanjang tahun 2015.
5.	Berita JMM (Jan - April 2016)	Memaparkan penulisan berita yang berkaitan dengan Jabatan Muzium Malaysia berkisar sekitar aktiviti muzium, kursus dan latihan, pameran, persatuan dan kegiatan lain (Jan- April 2016)
6.	Buku Garis Panduan Pelaksanaan 1P1M (1Pelajar 1Muzium)	Buku garis panduan Pelaksanaan 1P1M (1Pelajar 1Muzium) program NBOS Jabatan bersama Jabatan Pendidikan Malaysia
7.	Buku Program Perasmian Pameran Tenunan Songket ASEAN	Buku program sempena Perasmian Pameran Tenunan Songket ASEAN: Ratu Kain;Satu Rumpun Satu Warisan, disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al Haj Pada 18 Oktober 2016 yang diadakan di Jabatan Muzium Malaysia.,
8.	Buku Program Perasmian Bermalam di Muzium Perdana	Buku program sempena program perasmian Bermalam di Muzium yang telah diadakan di semua Muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM di seluruh Negara pada 30 dan 31 Ogos 2016
9.	Buku Program Perasmian Pameran Kemerdekaan	Buku program sempena perasmian Pameran Hari Kebangsaan 2016 1 Malaysia 1 Cerita yang diadakan di Jabatan Muzium Malaysia

BIL	TAJUK	SINOPSIS
10.	Batik Sarung: warisan Kini dan Selamanya (Cetakan Semula)	Cetakan semula buku Batik Sarung: warisan Kini dan Selamanya (cetakan pertama 2014). Kupasan sejarah Batik Sarung dan hubung kait dan fungsi dalam Sosiobudaya.
11.	Sacred Ikat: From Heirloom to Trade (Cetakan Semula)	Buku cetakan semula berdasarkan buku bestseller 2011. Warisan Pusaka Teknik Ikat dalam pembuatan tekstil yang terdapat di Kepulauan Sumba Indonesia dan Sarawak.
12.	Tamadun Pra Sejarah Muzium Negara (Cetakan Semula)	Buku cetakan semula dengan cetakan pertama 2011. Buku Tamadun Prasejarah Malaysia yang berpandukan bahan-bahan pameran di Galeri Prasejarah Muzium Negara yang menjadi sebahagian daripada sejarah dan kebudayaan Negara Malaysia.
13.	Buku Program Perasmian Pameran Wayang Kulit : Simbolisme di Sebalik Layar	Buku program sempena perasmian Pameran Wayang Kulit Nusantara Simbolisme di Sebalik Layar. Yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 20 Disember 2016
14.	Kod Etika ICOM untuk Muzium	Buku Asas ICOM kepada bidang permuziuman. Menetapkan standard minimum bagi amalan dan prestasi profesional untuk muzium-muzium dan kakitangannya dalam mematuhi kod yang telah ditetapkan.
15.	Berita JMM (Mei– Ogos 2016)	Memaparkan penulisan berita yang berkaitan dengan Jabatan Muzium Malaysia berkisar sekitar aktiviti muzium, kursus dan latihan, pameran, persatuan dan kegiatan lain (Mei-Ogos 2016)
16.	Berita JMM (Sept –Dis 2016)	Memaparkan penulisan berita yang berkaitan dengan Jabatan Muzium Malaysia berkisar sekitar aktiviti muzium, kursus dan latihan, pameran, persatuan dan kegiatan lain(Sept- Dis 2016)
17.	Buku Program HMA 2016	Buku program sempena Hari Muzium Antarabangsa 2016 yang menjadi acara tahunan yang diadakan pada 20 Mei 2016 di Negeri Kedah.
18.	Poskad Buku Sempena Pameran Koleksi Raja-Raja Melayu Siri 3: Koleksi Peribadi Sultan Mizan Zainal Abidin	Poskad Buku sempena Pameran Koleksi Raja-Raja Melayu Siri 3: Koleksi Peribadi Sultan Mizan Zainal Abidin.




LAPORAN MUZIUM-MUZIUM

LAPORAN MUZIUM NEGARA

Pada tahun 2016, Muzium Negara telah menjalankan pelbagai aktiviti dan pameran, termasuklah:

- **Program Perdana Bermalam di Muzium**

Program Perdana Bermalam di Muzium merupakan aktiviti tahunan yang diadakan pada bulan kemerdekaan di Muzium Negara. Namun pada tahun ini, julung kalinya diadakan serentak di 22 buah muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia di seluruh negara. Program ini diadakan pada 30 hingga 31 Ogos 2016 dan dirasmikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz. Penyertaan di Muzium Negara melibatkan 372 orang peserta terdiri daripada pelajar sekolah menengah di Kuala Lumpur, Selangor dan Pahang. Secara tidak langsung, program ini telah mendapat pengiktirafan daripada 'Malaysia Book of Record' dengan melibatkan peserta program pendidikan muzium iaitu seramai 1,573 orang. Pelbagai aktiviti telah diadakan termasuklah aktiviti suai kenal, kembara malam, slot kerohanian dan modal, simulasi/flash mob-counter terrorism unit menghadapi suasana cemas, darurat dan ke arah kemerdekaan negara, detik-detik malam merdeka dan keesokan harinya acara senamrobik dan juga Misi DIY iaitu membina sesuatu arca atau mercu tanda kumpulan berdasarkan bahan kitar semula. Peserta program ini secara tidak langsung telah mendapat manfaat dari acara seperti ini seterusnya Muzium dapat menyebarkan ilmu pengetahuan dan memelihara warisan budaya kepada masyarakat.



• Program Cuti Sekolah

Bersempena cuti persekolahan, beberapa aktiviti telah dijalankan bagi memenuhi aktiviti pembelajaran bagi golongan pelajar yang berkunjung ke Muzium Negara. Program sebegini telah mendapat sambutan yang baik dan secara tidak langsung mendekatkan golongan muda dan juga ibu-bapa dengan aktiviti yang disajikan oleh pihak muzium. Aktiviti ini sejajar dengan hasrat Jabatan Muzium Malaysia dalam memelihara dan menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai khazanah warisan dan kebudayaan negara terutama kepada generasi muda dari pelbagai bangsa dan keturunan. Di samping sebagai pengisian lawatan ke muzium yang lebih berkualiti dan produktif.

BIL	TARIKH	PROGRAM	OBJEKTIF
1.	15 - 17 Mac 2016	Eksplorasi Robotik -Kerjasama dengan Little Botz	Memberi pendedahan mengenai sejarah penghasilan dan perkembangan sektor pembuatan kereta Malaysia. Menguji minda dan kreativiti peserta melalui binaan robotik dan perisian elektronik.
2.	26 Nov 2016	Interaktif Kraf: Uncang Dinar	Memperkenal dan memberi pendedahan asas kepada busana Melayu tradisional. Menguji kreativiti dan kemahiran saikomotor peserta
3.	3 Dis 2016	Memanah Alam Pendekar Melayu	Memperkenal dan memberi pendedahan kemahiran memanah secara tradisional.
4.	17 Dis 2016	Chef Cilik	Menguji kreativiti dan kemahiran saikomotor peserta
5.	17 Dis 2016	Nostalgia Anak Kampung	Mengimbas kembali kemeriah suasan/aktiviti masa lapang anak kampong. Menggalakkan aktiviti fizikal bagi mengurangkan perhatian golongan muda kepada permainan gajet.



• Program Sokongan Pameran

-Program & Aktiviti Sempena Pameran Dari Dapur Ke Meja (5 Februari – 8 Mei 2016)

A) Demonstrasi Budaya Jom ke Dapur

Aktiviti ini diadakan dalam 4 slot sepanjang Pameran Dari Dapur ke Meja berlangsung seperti berikut:

BIL	SLOT AKTIVITI	TARIKH
1.	Jom ke Dapur : Tradisi Kuih Bahulu	20 Februari 2016
2.	Jom ke Dapur : Pakat-Pakat Kacau Dodol	Mac 2016 12
3.	Jom ke Dapur : Tradisi Kuih Putu Kacang	April 2016 2
4.	Jom ke Dapur : Tradisi Kuih Loyang	April 2016 23

Dalam demonstrasi ini pelawat dipertontonkan pembuatan kuih seperti bahulu, dodol, putu kacang dan kuih loyang secara tradisional bagi mengembalikan nostalgia tradisi pembuatan secara tradisional. Di samping itu, panel informasi dan props bahan serta peralatan pembuatan juga disediakan bagi memperkenalkan dan menerangkan penghasilan kuih tersebut. Pelawat diberi peluang untuk mencuba dalam pembuatan kuih tradisional berkenaan. Secara tidak langsung pelancong asing dan generasi muda dapat memahami, menghayati menerusi pengamatan dan merasai pengalaman sendiri menghasilkan kuih tradisi.

Demonstrasi yang berlangsung selama empat jam yang diadakan dalam beberapa slot ini berjaya memikat hati pengunjung ke Muzium Negara terutamanya pelancong asing kerana keunikan dan tradisi yang masih diamalan di negara ini. Selain itu, hebatnya tentang slot demonstrasi ini juga mendapat perhatian golongan pelajar IPT. Mereka berkunjung ke Muzium Negara semata-mata ingin mendapat maklumat mengenai kuih tradisi bagi pengisian tugas kuliah mereka.

B) Ceramah : Dapur & Kesihatan

Satu ceramah bertajuk “Dapur dan Kesihatan” telah diadakan bertempat di Ruang Penerokaan Muzium Negara dan telah disampaikan oleh Cik Aishah Zafirah Abdul Azim, Pegawai Dietetik daripada Universiti Putra Malaysia. Ceramah tersebut diadakan bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada kakitangan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) tentang pemakanan sihat dan kehidupan aktif sebagai asas kesihatan dan kesejahteraan keluarga dan menyemaikan tabiat pemakanan yang sihat serta menggalakkan aktiviti fizikal di kalangan kakitangan JMM. Antara topik yang dibincangkan termasuklah berat badan yang sihat sepanjang hayat, prinsip pemakanan secara sihat, fungsi label makanan serta aktiviti-aktiviti fizikal yang diperlukan untuk membakar kalori dalam badan. Ceramah ini disertai oleh 60 orang kakitangan JMM dan diselitkan dengan sesi soal jawab dan khidmat nasihat kesihatan. Selain itu, ujian saringan kesihatan seperti ujian tekanan darah, timbangan berat badan, ketinggian dan kandungan lemak individu turut dijalankan.



C) Jom ke Dapur Bersama Si Cilik

Bertempat di Ruang Penerokaan Muzium Negara telah berlangsung satu aktiviti yang sangat istimewa untuk adik-adik yang berminat dalam bakeri, iaitu ‘Jom Ke Dapur Bersama Si Cilik’. Aktiviti ini dijalankan bersempena cuti sekolah bulan Mac. Menariknya dalam bengkel ini, para peserta berpeluang mempelajari dan membuat sendiri dua (2) menu istimewa yang popular iaitu kek cawan dan pop kek. Aktiviti ini ternyata menyerlahkan lagi daya kreativiti peserta menerusi dekorasi kek cawan yang dilakukan dengan bantuan tenaga pengajar. Keterujaan peserta dapat dilihat semasa mereka menghias krim pada kek cawan masing-masing. Pelbagai telatah peserta yang menghiburkan dapat disaksikan dalam suasana riuh-rendah yang memenuhi segenap ruang aktiviti. Semestinya aktiviti interaktif seperti ini amat digemari ibu bapa kerana dapat menceriakan anak-anak mereka selain menghilangkan seketika kelekaan terhadap dunia gajet yang sememangnya sukar dipisahkan dengan generasi muda masa kini. Aktiviti yang mendapat sambutan hangat ini telah disertai oleh hampir 60 orang peserta pelbagai kaum yang terdiri daripada kanak-kanak yang berumur antara 5 hingga 12 tahun. Tenaga pengajar bagi aktiviti ini ialah Puan Yohana Sabri, iaitu seorang pengusaha perniagaan kek ‘Littlecupcakes’.





D) Bengkel Bento Bersama 'Yan Diana'

'Bento' atau istilah bahasa Melayunya 'seni makanan bekal' menjadi semakin popular dalam masyarakat hari ini. Sehubungan itu, Muzium Negara mengambil kesempatan ini dengan mengadakan Bengkel Bento yang dibuka penyertaannya kepada orang ramai bersempena Pameran 'Dari Dapur ke Meja'. Sasaran peserta adalah tertumpu kepada golongan wanita dan ibu ianya bertujuan untuk memberikan kesedaran tentang amalan penyediaan bekal makanan kepada anak-anak ke sekolah dan manfaat penyediaan makanan yang berkhasiat sekaligus dapat membantu menjimatkan perbelanjaan. Bengkel ini telah diadakan pada 16 April 2016 di Ruang Penerokaan, Muzium Negara.

Tenaga pengajar bagi bengkel ini ialah Puan Siti Mardiana Embok Untak atau lebih dikenali sebagai Puan Yan Diana. Para peserta berpeluang melihat demonstrasi dan berkongsi ilmu serta pengalaman dalam seni penyediaan Bento. Para peserta diberi pendedahan tentang seni tata hiasan bekal makanan yang menarik daripada sumber makanan yang semula jadi, berkhasiat dan seimbang serta cara penyediaan yang praktikal. Bengkel ini dihadiri seramai 37 orang peserta pelbagai kaum yang datang dari sekitar Kuala Lumpur termasuk dari luar kawasan Lembah Klang.

PAMERAN LOVE MUD WITH AUTISM (20 Julai – 17 Ogos 2016)

BIL	TARIKH	PROGRAM	CATATAN
1.	5 & 12 Mac 2016	Bengkel Seramik	Dengan kerjasama National Autism Society of Malaysia (NASOM)
2.	13 Ogos 2016	Ceramah Kesedaran 'Autism'	Dengan kerjasama National Autism Society of Malaysia (NASOM)

a. Ceramah Kesedaran 'Autism'

Pada 12 Ogos 2016 yang lalu, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama bersama National Autism Society of Malaysia (NASOM) telah mengadakan ceramah kesedaran dan penerimaan terhadap autisme di Muzium Negara. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Puan Rusmawati binti Abdullah dan dihadiri oleh staf-staf JMM. Ceramah itu adalah bertujuan untuk memberikan peluang kepada orang ramai untuk mengetahui dengan lebih dekat tentang golongan autisme ini dan para peserta telah diberikan penerangan tentang sejarah penubuhan NASOM, jenis-jenis anak autisme dan bagaimana untuk mengenali golongan autism ini.

Ceramah kesedaran dan penerimaan terhadap autism ini adalah salah satu medium yang baik untuk orang awam bagi meningkatkan lagi pengetahuan tentang golongan ini. Walaupun kita boleh lihat hanya sedikit kesedaran dan bantuan yang telah diberikan, namun ianya sangat bermakna untuk golongan autisme kerana perhatian dan pandangan daripada masyarakat terhadap golongan ini amat diperlukan.

b. Pameran Tempayan (22 Ogos – 18 November 2016)

Bersempena “Pameran Tempayan” (*In Love with Jar Exhibition*) yang berlangsung di Muzium Negara bermula dari 22 Ogos sehingga 31 Oktober 2016 pelbagai aktiviti menarik turut disediakan kepada pengunjung. Pada 17 September 2016 satu aktiviti “**Jom Main Tanah**” berasaskan bahan tanah liat telah berlangsung di Ruang Penerokaan Muzium Negara. Tarikan kali ini memberikan fokus kepada generasi Y, khususnya kanak-kanak bagi memberi pendedahan, memupuk minat serta merangsang kreativiti mereka. Kanak-kanak sememangnya kaya dengan imaginasi kerana ianya merupakan medium untuk belajar tentang dunia di sekeliling mereka. Imaginasi mampu diterjemahkan dengan cara yang positif jika ia dikolaborasi bersama kreativiti. Terjemahan imaginasi melalui seni kreatif mengukir tanah liat seperti yang yang dilakukan dalam aktiviti “**Jom Main Tanah**” telah mendapat respon yang amat menggalakkan khususnya dalam kalangan ibu bapa.



Persembahan Kebudayaan

Bermula pada tahun ini, satu persembahan kebudayaan akan diadakan pada setiap bulan di Laman Istana 1 bagi menonjolkan kekayaan seni budaya masyarakat Malaysia kepada pelawat terutamanya golongan muda dan pelancong luar negara. Persembahan tersebut merangkumi tarian, nyanyian, seni pertahanan diri dan alatan muzik seperti berikut:

BIL	PERSEMBAHAN	TARIKH
1.	Tradisional Asli Melayu	30 Jan 2016
2.	Dondang Sayang	20 Feb 2016
3.	Demonstrasi Persilatan	19 Mac 2016
4.	Ghazal	16 April 2016
5.	Akustik Nusantara	21 Mei 2016
6.	Asli Moden	16 Jul 2016
7.	Akustik Merdeka	20 Ogos 2016
8.	Tarian Klasik India Bharata Natyam	5 Nov 2016
9.	Gendang Silat & Serunai	20 Nov 2016
10.	Gambus	17 Dis 2016



Program Jangkau Dalam (In Reach Program)

i. Lawatan Berpandu Khas

BIL	TARIKH	PESERTA	PROGRAM
1.	12 Jan 2016	10 pegawai	ATM Nepalese
2.	13 Jan 2016	15 pegawai	Pihak Pengurusan Rumah Perdana Menteri Sri Perdana, Putrajaya
3.	14 Jan 2016	10 pegawai	Lawatan Ketua Pengarah Perisikan Negara New Zealand
4.	17 Jan 2016	13 pegawai	Lieutenant General Eduardo M Ano AFP, Commanding General, Philippine Army (CG, PA).
5.	20 Jan 2016	20 pegawai	Institut Tanah dan Ukur Negara, Tanjung Malim, Perak
6.	21 Jan 2016	11 pegawai	ATM Filipina
7.	31 Jan 2016	60 peserta	KL Tourism Ambassador Programme
8.	22 Mac 2016	4 kakitangan	Muzium Pendidikan Bangkok, Thailand
9.	22 Mac 2016	41 peserta	Satreeprasetsin School, Trat, Thailand.
10.	22 Mac 2016	20 peserta	KL Guided Tour
11.	29 Mac 2016	13 peserta	Kuala Lumpur Tour Association
12.	5 Apr 2016	15 pegawai	Ketua Jabatan Pemasaran & Zoo Negara, Selangor
13.	11 Apr 2016	30 pelajar	Delegasi Cina
14.	19 Apr 2016	20 pegawai	Timbalan Panglima Angkatan Tentera Thailand
15.	20 Apr 2016	6 pegawai	Kakitangan Kraftangan
16.	20 Apr 2016	15 pegawai	Menteri Fujian
17.	6 Mei 2016	25 pegawai	Peteris Vaivor Ambassador Embassy of The Republic of Latvia
18.	11 Mei 2016	30 pegawai	Kedutaan Indonesia
19.	16 Mei 2016	30 pegawai	Sultan Abdul Aziz, Arab Saudi

20.	10 Mei 2016	6 peserta	IMR
21.	10 Mei 2016	80 peserta	FAM (Pemandu Pelancong)
22.	27 Julai 2015	29 peserta	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia , Kuala Lumpur
23.	27 September 2016	40 pegawai	Singapore Armed Forces Warrant Officer School
24.	28 September 2016	10 pegawai	General Robert B. Brown, Commanding General of United States Army Pacific (USARPAC)
25.	19 Ogos 2016	3 pegawai	Menteri dari Cameroon.
26.	5 Mei 2016	25 pegawai	Badan Diklat Provinsi Bali, Indonesia

ii. Lawatan Berpandu (Pelajar Sekolah & Institut Pengajian Tinggi)

BIL	TARIKH	Peserta	INSTITUSI /ORGANISASI
1.	19 Jan 2016	33 orang	Politeknik Sultan Hj. Ahmad Shah, Kuantan, Pahang
2.	21 Jan 2016	38 orang	UITM Merbok, Kedah
3.	28 Jan 2016	42 orang	Universiti Sarawak
4.	28 Jan 2016	90 orang	SMK Pekan Baru, Muar, Johor
5.	19 Jan 2016	33 orang	Politeknik Sultan Hj. Ahmad Shah, Kuantan, Pahang
6.	25 April 2016	25 pegawai	Kolej Universiti INSANIAH
7.	06 Mei 2016	83 orang	ADNI School, Kuala Lumpur
8.	10 Mei 2016	87 orang	Garden International School
9.	11 Mei 2016	84 orang	Garden International School
10.	12 Mei 2016	87 orang	Garden International School
11.	13 Mei 2016	85 orang	Garden International School
12.	15 Mei 2016	130 orang	UTM (Kamputer Sains & Matematik)
13.	18 Mei 2015	80 orang	UCSI
14.	25 Mei 2015	29 orang	Eaton International School
15.	22 Mac 2016	41 orang	Satreeprasetsin School, Trat, Thailand.

16.	16 Jun 2016	49 orang	Taklimat PT3 Sekolah Menengah Dharma Kuala Lumpur
17.	20 Jun 2016	Taklimat PT3	Dewan Tengah
18.	22 Jun 2016	Taklimat PT3	Dewan Tengah
19.	22 Sept 2016	44 orang	Sekolah Kebangsaan Taman Tunku Jaafar, Negeri Sembilan
20.	28 Sept 2016	44 orang	Sekolah Kebangsaan Naning, Johor
21.	5 Okt 2016	44 orang	Sekolah Kebangsaan Tok Khalifah, Selangor
22.	6 Okt 2016	42 orang	Sekolah Sungai Selisik, Selangor
23.	12 Okt 2016	49 orang	Sekolah Menengah Kebangsaan Segambut, Kuala Lumpur
24.	13 Okt 2016	44 orang	Sekolah Kebangsaan Sebatu, Melaka
25.	28 Okt 2016	45 orang	Sekolah Kebangsaan Meranto, Kelantan
26.	19 Apr 2016	45 orang	Briged Putera Malaysia Kompeni Kelapan Petaling Jaya

iii. Modul Pendidikan Ruang Penerokaan

BIL	TARIKH	AKTIVITI	BIL. PESERTA	INSTITUSI/ ORGANISASI
1.	31 Jan 2016	Modul Ekskavasi Arkeologi – Manusia Perak	54 orang	French School LFKL programme (MVM)
2.	14-15 Feb 2016	Modul Ekskavasi Arkeologi – Manusia Perak	88 orang	Nobel International School
3.	27 Sept 2016	Modul Ekskavasi Arkeologi – Manusia Perak	45 orang	Sk Ciku Tiga Kelantan
4.	9 Mei 2016	Modul Ekskavasi Arkeologi – Manusia Perak	45 orang	Kolej PTPL

iv. Mencari Harta Karun

BIL	TARIKH	BIL. PESERTA	INSTITUSI / ORGANISASI
1.	13 Jan – 3 Feb 2016	42 orang	Kolej Permata Pintar
2.	16 Mac 2016	42 orang	Kolej Antarabangsa Cybernetic Kuala Lumpur.
3.	16 Mac 2016	44 orang	Sekolah Menengah Kebangsaan Paduka Tuan, Johor.
4.	21 Mac 2016	'Relic Hunter' Sling Bag Activity	Kolej Tunku Jaafar, Negeri Sembilan.
5.	23 Mac 2016	44 orang	Sekolah Menengah Dato' Klana Putra, Negeri Sembilan.
6.	30 Mac 2016	44 orang	Sekolah Menengah Dato Kelana Putra, Negeri Sembilan
7.	9 Mei 2016	88 orang	PTPTL, Shah Alam, Selangor
8.	12 Mei 2016	43 orang	Beacon House Sri Murni Cheras
9.	18 Mei 2016	37 orang	Sekolah Menengah Semenchu, Johor
10.	27 Jul 2016	44 orang	Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Semantan, Pahang
11.	19 Sept 2016	24 orang	Universiti of Malaya- Wales, Kuala Lumpur
12.	21 Sept 2016	35 orang	Kolej Vokasional Gombak, Selangor
13.	28 Sept 2016	40 orang	SM Raja Dr. Nazrin Shah, Perak
14.	17 Okt 2016	23 orang	Institut Kemajuan Desa, Kajang, Selangor

V. Lihat Dan Cari / Look And Find

BIL	TARIKH	BIL. PESERTA	INSTITUSI / ORGANISASI
1.	3 Feb 2016	80 orang	Pejabat & Daerah Negeri Sembilan
2.	9 Mac 2016	187 orang	Sekolah Kebangsaan Taman Selasih, Selangor.
3.	23 Mac 2016	44 orang	Sekolah Kebangsaan Kampung Medan, Kuala Langat, Selangor.
4.	24 Mac 2016	88 orang	Sekolah Kebangsaan Jasin, Melaka.
5.	25 Mac 2016	41 orang	Sekolah Kebangsaan Jasin, Melaka.
6.	31 Mac 2016	88 orang	Sekolah Kebangsaan Jasin, Melaka
7.	5 April 2016	80 orang	Sekolah kebangsaan Agama Bersepadu, Muar, Johor
8.	20 Mei 2016	44 orang	Sekolah Kebangsaan Damansara Jaya 2
9.	14 Jul 2016	45 orang	Tadika Arah Setia, Selangor
10.	23 Jul 2016	32 orang	SJK (T) Ladang Keplin, Negeri Sembilan
11.	30 Sept 2016	17 orang	Sekolah Kebangsaan Peremba, Kedah
12.	28 Sept 2016	40 orang	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Karak,Pahang
13.	28 Sept 2016	46 orang	Sekolah Kebangsaan (LKTP) Jengka 8, Pahang
14.	6 Okt 2016	44 orang	Sekolah Rendah Islam Al-Amin, Kerteh, Terengganu
15.	11 Okt 2016	23 orang	Sekolah Kebangsaan Segari, Lumut, Perak
16.	12 Okt 2016	42 orang	ADNI School, Bangi, Selangor
17.	14 Okt 2016	44 orang	Sekolah Kebangsaan Jenis Kebangsaan Tamil Batu Arang, Selangor
18.	14 Okt 2016	81 orang	Sekolah Kebangsaan Kempas, Johor
19.	16 Okt 2016	80 orang	Sekolah Kebangsaan Taman Universiti 3, Johor
20.	19 Okt 2016	44 orang	Sekolah Kebangsaan Balai Badang, Johor
21.	22 Okt 2016	88 orang	Sekolah Kebangsaan Segari, Perak

VI. Kuiz Terokai Muzium

BIL	TARIKH	BIL. PESERTA	INSTITUSI / ORGANISASI
1.	25 Mei 2016	45 orang	Sekolah Menengah Naning
2.	25 Mei 2016	43 orang	Sekolah Menengah Kebangsaan, Bintang Utara
3.	27 Mei 2016	35 orang	Sekolah Menengah kebangsaan Labu Besar, Kedah
4.	06 Jun 2016	55 orang	Gereja Rawang Christian Church

VII. Aktiviti Khas Di Ruang Penerokaan & Dewan Tengah Muzium Negara

BIL	TARIKH	ACARA/PROGRAM
1.	6-9 & 13-14 Feb 2016	Aktiviti Menarik Sempena Tahun Baru Cina Aktiviti Khas: <ul style="list-style-type: none">• Jom Buat Tanglung• Puzzle• Origami• Mewarna• Seni Gunting Kertas Cina
2.	21 & 22 Mei 2016	Interaktif Kraf: Jubin Berwarna
3.	16, 17 & 18 Sept 2016	Lembaran kerja Interaktif aktiviti : Cubical giant puzzle
4.	15 Okt 2016	Program CSR bersama UniKL
5.	29 & 30 Okt 5 & 6 Okt 2016	Seni Kraf Kolam Sempena sambutan Hari Deepavali



LAPORAN MUZIUM TEKSTIL NEGARA

i) Mencanting dan Mewarna Batik serta Asas Menenun

Program ini dikendalikan berdasarkan permintaan pelawat khususnya pelajar sekolah, kolej dan universiti. Aktiviti ini bertujuan untuk mendidik dan menyebarkan ilmu pengetahuan serta memberi peluang kepada setiap peserta untuk berinteraksi secara hands on. Aktiviti Asas Menenun pula menggamit perhatian terutama di kalangan penuntut universiti kerana penglibatan tersebut memerlukan masa, perhatian dan ketekunan yang tinggi untuk mempelajarinya. Sebanyak 32 permohonan yang melibatkan seramai 1,674 orang peserta, 14 permohonan dengan 390 kehadiran orang peserta bagi mencanting batik dan 154 orang peserta bagi asas menenun.

ii) Lawatan Berpandu

Muzium Tekstil Negara telah melaksanakan 52 lawatan berpandu dari peringkat tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah manakala 26 buah dari IPTA/IPTS/Agenzi termasuk 5 buah lawatan rasmi daripada Agenzi Kerajaan/Bukan Kerajaan dalam Negara mahupun Luar Negara. Lawatan berpandu ini merangkumi sejarah bangunan Muzium Tekstil Negara serta keseluruhan galeri termasuk pameran tetap dan pameran sementara bagi menyebarkan ilmu pengetahuan kepada para pengunjung agar meningkatkan kesedaran dan menyuntik semangat cintakan tekstil warisan etnik-etnik di Malaysia.

iii) Pameran Pesona Songket Dan Pertandingan Tenunan Asas Di SMK Bandar Tasik Kesuma, Beranang, Selangor

Bersempena dengan sambutan Hari Guru 2016, Muzium Tekstil Negara telah dijemput khas oleh pihak SMK Bandar Tasik Kesuma untuk mengadakan pameran bertemakan ‘Pesona Songket’ yang merupakan tema pilihan sekolah bagi sambutan hari guru tahun ini. Selain mengadakan pameran, Muzium Tekstil Negara turut mengadakan aktiviti tenunan asas yang signifikan dengan pameran. Pameran dan aktiviti ini telah diadakan pada 04 Mei 2016 (Rabu) bertempat di Pusat Sumber Sekolah tersebut. Program telah melibatkan seramai 1,928 peserta yang terdiri daripada guru dan para pelajar. Bagi aktiviti tenunan asas, seramai 30 orang peserta terdiri daripada guru dan juga pelajar telah terlibat dan mempelajari kesemua tujuh teknik asas tenunan dengan jayanya. Majlis penutup diserikan dengan penyampaian hadiah kepada tujuh orang pelajar terpilih yang berjaya menyiapkan hasil kerja tenunan yang sangat kemas dan cantik.

iv) Program Kuala Lumpur Chinese New Year Cultural Festival

Program ini merupakan sebuah program anjuran Kuala Lumpur Tourism Bureau bersempena dengan sambutan Perayaan Tahun Baru Cina yang diadakan setiap tahun. Program ini telah berlangsung pada 22 februari 2016 bertempat di Piazza Kuala Lumpur City Gallery, Dataran Merdeka dan telah dirasmikan oleh Datuk Seri Mhd amin Nordin bin Hj Abd Aziz, Datuk Bandar Kuala Lumpur. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan budaya, adat dan kepercayaan masyarakat Cina di Malaysia. Sejajar dengan itu,

Muzium Tekstil Negara telah mengadakan mini pameran dan demonstrasi mencanting dan mewarna batik bermotifkan Monyet Api yang merupakan zodiac bagi tahun 2016. Program ini telah Berjaya menarik minat hampir 750 orang pengunjung dari dalam dan luar negara.

v) Demonstrasi Batik Di Festival KI Hari Raya Eid Mubarak 2016

Kuala Lumpur Tourism telah menganjurkan satu Festival KI Hari Raya Eid Mubarak 2016, bertempat di Underground @Dataran Merdeka (Merdeka Square) pada 1 Ogos 2016, bermula jam 10.30 pagi hingga 2.30 petang. Festival ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abdul Aziz, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan telah Berjaya menarik seramai 824 orang pengunjung dari dalam dan luar negara. Pelbagai acara kebudayaan dan demonstrasi diadakan dengan penglibatan dari pelbagai kaum di Malaysia. Pelbagai juadah hidangan terutamanya makanan tradisional pelbagai kaum di Malaysia seperti nasi lemak dan roti canai ada disediakan.

Muzium Tekstil Negara juga telah menyediakan satu sudut demonstrasi mencanting batik dan peragaan pakaian tradisional bertemakan Hari Raya Aidilfitri. Seramai lapan orang pegawai dan staf terlibat dalam menjayakan demonstrasi ini. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pengunjung khususnya pelancong dari luar negara bagi melihat dan merasai sendiri pengalaman mencanting dan mewarna batik.

vi) Perasmian Pameran Hiasan Kepala: Kecantikan Dan Kuasa

Pameran ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Mas Ermeyanti binti Samsudin, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 26 April 2016, jam 3.00 petang di Galeri Saindera. Seramai 112 orang jemputan hadir semasa sesi pelancarannya bertempat di Galeri Ratna Sari, Muzium Tekstil Negara. Pengisian pameran adalah berkisarkan kepada pengenalan pameran, hiasan kepala tradisional berkaitan anutan dan amalan agama, pelengkap pakaian harian, adat kebudayaan masyarakat, seni kebudayaan persembahan dan hiasan kepala moden dikenali sebagai couture. Hiasan kepala diperbuat daripada bahan alam semulajadi yang terdiri daripada flora, fauna, perak, emas, suasa dan permata yang terhasil melalui cara ikatan, lipatan, anyaman dan sulaman. Ia juga digunakan untuk beribadah, alat kebesaran untuk pertabalan, majlis rasmi, perkahwinan dan persesembahan pentas. Sebanyak 128 koleksi dari Jabatan Muzium Malaysia (JMM) diperagakan yang memperlihatkan hasil kerja tangan pelbagai etnik seperti Melayu, Cina, Peranakan Baba dan Nyonya, India, Orang Asli, Pribumi Sabah dan Sarawak. Di samping itu, sebanyak 28 koleksi milik pereka fesyen tempatan Bremen Wong turut dipamerkan. Muzium Tekstil Negara juga telah menjemput pendemonstrasi yang mewakili setiap etnik seperti cara ikatan tengkolok oleh masyarakat Melayu, ikatan dastar yang digunakan oleh masyarakat Singh, Kadazan Dusun dengan ikatan sigal dan masyarakat Orang Asli yang menganyam daun nipah untuk dijadikan sanggul subang dan mayang.



vii) Pertandingan Hiasan Kepala: Kecantikan Dan Kuasa

Pertandingan Hiasan Kepala Paling Kreatif merupakan sebuah program yang dirancang bersempena dengan Pameran Hiasan Kepala: Kecantikan dan Kuasa yang telah mula dibuka kepada orang ramai pada 26 April 2016 sehingga 25 Februari 2017. Sejak itu, pertandingan ini telah berlangsung pada 18 Mei 2016 bertempat di Ruang Lobi Berkaca, Muzium Tekstil Negara. Seramai 39 orang pelajar dan empat orang pensyarah dari Universiti Teknologi Mara telah hadir bagi memeriahkan lagi pertandingan ini. Walau bagaimanapun hanya 14 orang peserta yang merupakan pelajar tahun kedua Jabatan Fesyen, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka telah terpilih untuk menyertai pertandingan ini. Para peserta dikehendaki membawa bahan dan peralatan sendiri seperti bahan kitar semula serta material bersesuaian untuk menyiapkan hasil rekaan mereka. Mereka juga diberi kebebasan untuk memilih tema masing-masing sama ada berunsurkan tradisional, kontemporari atau futuristik. Masing-masing telah menunjukkan minat dan kesungguhan untuk menghasilkan sesuatu rekaan yang boleh memenangi hati juri. Setiap hasil rekaan dinilai berdasarkan kekemasan, kreativiti dan fungsi produk itu sendiri. ‘Melotes’ hasil rekaan Mohd. Hakim bin Ismail yang bertemakan futuristik telah berjaya mendapat tempat pertama. Seterusnya tempat kedua dimenangi oleh Maisarah binti Che Mansor dengan hasil rekaannya ‘The Beauty Art of Decay’, manakala hasil rekaan bertemakan budaya Afrika oleh Lily Syahirah binti Rosdi Fahlid telah memenangi tempat ketiga. Para pemenang masing-masing membawa pulang wang tunai dan juga hamper.

viii) Program Sehari Bersama Bremen Wong Di Muzium Tekstil Negara

Bersempena dengan Pameran Hiasan Kepala: Kecantikan dan Kuasa yang telah mula dibuka pada orang ramai pada 26 April 2016 sehingga 25 Februari 2017, Program Sehari bersama Bremen Wong telah berlangsung pada 06 Mei 2016 bertempat di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara. Bremen Wong yang merupakan seorang pereka hiasan kepala tempatan terkenal telah dijemput khas untuk bekerjasama dalam menjayakan segmen Couture dalam pameran ini. Para pengunjung pada hari tersebut juga berpeluang mendengar sendiri cerita dan pengalaman beliau selama penglibatan dalam arena penghasilan hiasan kepala. Beliau juga seorang yang sangat peramah turut tidak lokek untuk berkongsi pengalaman dalam menghasilkan sebahagian koleksi peribadi hiasan kepala yang telah dipamerkan.

ix) Bicara Tekstil**Hiasan Kepala: Perlambangan Status, Adat Dan Penyeri**

Bersempena dengan Pameran Hiasan Kepala: Kecantikan dan Kuasa yang telah mula dibuka pada orang ramai pada 26 April 2016 sehingga 25 Februari 2017, bicara tekstil bertajuk ‘Hiasan Kepala: Perlambangan Status, Adat dan Penyeri’ telah diadakan pada 1 Jun 2016 dan disampaikan oleh Puan Zubaidah binti Sual yang merupakan salah seorang pencinta dan pengumpul koleksi tekstil yang amat sinonim dengan kostum dan tekstil klasik Melayu. Hiasan kepala membawa maksud perhiasan yang dipakai pada rambut, sanggul dan dahi yang dicipta sebagai pelengkap rasa keindahan dan pemuasan estetika bagi menambah nilai kuasa, seri wajah dan keindahan. Kegunaan hiasan kepala dikategorikan kepada beberapa bahagian seperti perlindungan, kekemasan, perlambangan status, keagamaan, hiasan atau fesyen dan terbahagi kepada 3 kategori utama iaitu Perlambangan Status, Adat dan Penyeri.

x) Pertunjukan Fesyen ‘Forward And About’Oleh Kolej Inti, Subang

Pertunjukan fesyen ini telah berlangsung pada 23 Januari 2016 bertempat di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara dan merupakan program tahun akhir pelajar jurusan fesyen Kolej INTI, Subang. Program ini telah dihadiri seramai 348 orang jemputan yang terdiri daripada pensyarah, pelajar, ibubapa dan juga pencinta fesyen tanah air dan melibatkan penyertaan pelajar seramai 20 orang. Sebanyak 120 kostum hasil rekaan pelajar yang kreatif dan mengagumkan seperti tenunan dan perhiasan diri telah diperagakan dan dipertontonkan kepada para tetamu yang hadir.

xi) Program Perdana Bermalam Di Muzium 2016


Muzium Tekstil Negara telah menerima penyertaan seramai 98 orang peserta yang terdiri dari 2 buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Bandar Tasik Selatan dan Sekolah Menengah Zon R1 Wangsa Maju. Pendaftaran peserta bermula pada jam 2.00 petang dan berakhir pada jam 4.00 petang bertempat di ruang koridor luar, pintu masuk utama muzium. Setiap peserta dibekalkan dengan ‘goodies bag’ yang mengandungi baju kemeja-T, Tali Bag, pelekat nombor peserta, Nescafe 3 in 1, button batch MTN, buku nota dan pen. Antara aktiviti yang dijalankan adalah ‘ice-breaking’ yang memerlukan para peserta dibahagikan kepada 8 kumpulan mengikut warna tag yang telah dibekalkan. Setiap kumpulan diminta untuk membina menara yang akan dinilai melalui ketinggian dan kekuahan dengan menggunakan 100 batang penyedut minuman (straw), masking tape dan gunting. Manakala bagi aktiviti kedua melibatkan ikat dan celup baju kemeja-T yang akan dihasilkan mengikut kreativiti masing-masing. Setiap kumpulan dibekalkan dengan bahan-bahan seperti getah gelang, tali raffia, gunting, sarung tangan, apron dan sebagainya.

□ RINGKASAN PROGRAM DAN AKTIVITI JMM WILAYAH

Secara keseluruhannya, 22 buah muzium di bawah JMM telah berjaya menjalankan pelbagai program sepanjang tahun 2016 seperti yang terdapat di dalam jadual di bawah.

Bil	Tarikh	Program	Anjuran
1	Jan Sehingga Mei 2016	Persembahan Pemuzik Jalanan (Busking)	Muzium Muzik
2	22 Jan 2016	Jejak Sejarah Wartawan Akhbar Utusan Malaysia	Muzium Chimney
3	23 Jan 2016	Lawatan Pengarang Kumpulan Utusan Malaysia	Muzium Labuan
4	23 Jan 2016	Lawatan Rasmi Ketua Pengarah JMM	Muzium Labuan
5	30 Jan – 31 Jun 2016	Pameran Timbang & Sukat Galeri A - Pameran Sementara Muzium Perak	Muzium Perak
6	31 Jan – 1 Feb 2016	Jejak Warisan Muzium Arkeologi Lembah Bujang dan Gunung Jerai	Muzium Arkeologi Lembah Bujang dan Gunung Jerai
7	4 Feb 2016	Lawatan Jabatan Akauntan Negara WP Labuan	Muzium Labuan
8	22 Februari 2016	Pameran Nature's Yield And Wonders Of Arts (NYAWA): Bird	Muzium Alam Semulajadi
9	29 Feb 2016	Lawatan TKSU MOTAC & rombongan	Muzium Labuan
10	09 Mac 2016	Program Kajian Dan Jejak Sejarah Labuan Pelajar Pra-Universiti , SMK Labuan	Muzium Chimney
11	12 Mac 2016	Lawatan Peserta Kursus Product Update (MOTAC)	Muzium Marin Labuan
12	19 Mac 2016	Program Ekplorasi Menelusuri Warisan Sejarah Lembah Bujang Siri 2/2016 UPSI-UKM	Kawasan perkarangan Muzium Arkeologi Lembah Bujang
13	24 Mac 2016	Lawatan Kolej Matrikulasi Labuan	Muzium Marin Labuan

Bil	Tarikh	Program	Anjuran
14	26 Mac 2016	Program Ceria @ Muzium Matang	Muzium Matang
15	26 Mac 2016	Program Kenali Dunia Muzium Marin	Muzium Marin Labuan
16	02 Apr 2016	Lawatan Delegasi Filipina	Muzium Chimney
17	5 Apr 2016	Eksplorasi mencari spesimen paya bakau di Kampung Nelayan, WP Labuan	Muzium Marin Labuan
18	6 Apr 2016	Pameran Outreach ke SM St. Anne	Muzium Labuan
19	11 Apr 2016	Ekplorasi mencari Tapak Sulaiman di Pantai Lubok Temiang, WP Labuan	Muzium Marin Labuan
20	14 Apr 2016	Pameran Evolusi Matawang Di Kedah	Muzium Kota Kuala Kedah
21	16 Apr 2016	Program Radio Malaysia Labuan di Muzium Marin Labuan	Muzium Marin Labuan
22	27 Apr 2016	Program Bicara Arkeologi Lembah Bujang Siri 1/2016	MALB
23	29 Apr 2016	Program Bicara Orang Asli Bertajuk: "Melestarikan Seni Persembahan Orang Asli"	Muzium Seni Kraf Orang Asli
24	30 Apr 2016	Radio di Lokasi "Generasiku"	Muzium Labuan



Bil	Tarikh	Program	Anjuran
25	Mei-Jun 2016	Kajian Sejarah Tempatan Pelajar PT3	Muzium Chimney
26	3 Mei – 30 Jun 2016	Pameran Makanan Tradisi Masyarakat Labuan	Muzium Labuan
27	6 Mei 2016	Program NBOS 1Malaysia Green 1Malaysia Clean Eko Pelancongan Di Kuala Sepetang Anjuran MOTAC	Muzium Perak
28	7 Mei 2016	Program Pendidikan “Demonstrasi Mengelupis”	Muzium Labuan
29	09 Mei 2016	Lawatan Timbalan Ketua Pengarah Tourism Malaysia	Muzium Chimney
30	11 Mei 2016	Lawatan Rombongan Media Dari Kuala Lumpurke Tapak Bersejarah ,Tanjung Kubong	Muzium Chimney
31	12 Mei 2016	Treasure Hunt Beacon House	Muzium Negara
32	14 Mei, 23 Julai & 6 Ogos 2016	Program Kenali Dunia Arkeologi	Muzium Chimney
33	14 Mei 2016	Program Pendidikan “ Demonstrasri Menumpah Ambuyat”	Muzium Labuan
34	14 & 15 Mei 2016	Slot Kuiz di Radio FM	Muzium Labuan
35	17-19 Mei 2016	Program Hari Muzium Antarabangsa	Muzium Chimney
36	20 Mei 2016	Program Orientasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam Di Semenanjung Malaysia	Muzium Lukut
37	22 Mei 2016	Aktiviti Zumba Dan 10,000 Langkah	Muzium Chimney

Bil	Tarikh	Program	Anjuran
38	25 Mei 2016	Program Kembara Warisan Seni Bina	Muzium Seni Bina Malaysia
39	1 Jun - 31 Okt 2016	Pameran Kerangan Laut Permata Lautan	Muzium Alam Semulajadi
40	30 Julai 2016	Program National Blue Ocean Strategy (NBOS)	Muzium Marin Labuan
41	25 Mei 2016	Program Kembara Warisan Seni Bina	Muzium Seni Bina Malaysia
42	6 Ogos 2016	Kenali Dunia Muzium	Muzium Labuan
43	13 Ogos 2016	Lawatan Amitofo Care Centre Afrika	Muzium Chimney
44	20 Ogos 2016 - 20 Sept 2016	Pameran Wira Tak Di Canang	Muzium Kota Kuala Kedah
45	30 Ogos 2016	Program Bicara Arkeologi Lembah Bujang Siri 2/2016	MALB
46	30 - 31 Ogos 2016	Program Bermalam di Muzium Arkeologi Lembah Bujang	MALB
47	15 Sept 2016 - 15 Sept 2017	Pameran 3D Art Sepanjang Jalan Kenangan	Muzium Perak



Program Kembara Warisan Seni Bina

Bil	Tarikh	Program	Anjuran
48	22 Sept 2016	Lawatan YBhg Tan Sri Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan Malaysia	Muzium Marin Labuan
49	22 Sept 2016	Lawatan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia	Muzium Chimney
50	26 Sept 2016	Lawatan YB Dato' Sri Dr. Hj. Irmohizam Bin Hj. Ibrahim Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	Muzium Marin Labuan
51	28 Sept 2016	Program Bicara Sarjana	Muzium Labuan
52	29 Sept 2016	Bengkel Seni Khat Kontemporari	Muzium Kota Kayang
53	1 Okt 2016	Program Explorace Perdana Chimney	Muzium Chimney
54	3 Okt – 31 Dis 2016	Pameran Biodiversiti Terumbu Karang: Dunia Hidupan Marin	Muzium Marin Labuan
55	8 Okt 2016	Program Jejak Sejarah & Bahasa	Muzium Labuan
56	08 Okt 2016	Program Jejak Sejarah Dan Bahasa	Muzium Chimney



Program Bicara Sarjana

Bil	Tarikh	Program	Anjuran
57	10 Okt 2016	Lawatan Y. Brs. Dr Junaida Lee Abdullah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan Malaysia	Muzium Marin Labuan
58	11 Okt 2016	Lawatan dan Jejak Sejarah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia	Muzium Chimney
59	13 Okt 2016	Aktiviti Jejak Sejarah SK Bukit Kalam WP Labuan	Muzium Chimney
60	15 Okt 2016	Program NBOS Gotong Royong Membersihkan Kawasan Labuan Chimney Walking Trail dan Terowong Arang Batu anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Labuan (MOTAC)	Muzium Chimney
61	20 Okt 2016	Program Muziumku Sekolahku 2016	Muzium Kota Kayang
62	21 Okt 2016	Jejak Sejarah Muzium Matang	Muzium Matang
63	22 & 23 Okt 2016	Pameran Outreach di Kolej Matrikulasi Labuan	Muzium Labuan



Program Muziumku Sekolahku 2016

Bil	Tarikh	Program	Anjuran
64	22 Okt 2016	Program Pemuliharaan Biologi Marin	Muzium Marin Labuan
65	23 Okt 2016	Program Explorace Tourism Anjuran Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia Labuan (MOTAC)	Muzium Chimney
66	26 Okt 2016	Program Wacana Ilmubicara Sejarah Bertajuk Prospek Sejarah Kepada Impak Pelancongan Di Negeri Pahang	Muzium Sg. Lembing.
68	03 Nov 2016	Jejak Sejarah SK Kerupang, WP Labuan	Muzium Chimney
69	16 Nov 2016	Seminar Wayang Kulit Nusantara Simbolisme Di Sebalik Layar: Memartabatkan Seni Wayang Kulit: Cabaran Dan Masa Depan	Muzium Diraja
70	21 Nov 2016	Program Bicara Arkeologi Lembah Bujang Siri 3/2016	MALB
71	19-20 Nov 2016	Program NBOS Labuan Chimney Walking Trail	Muzium Chimney
72	22 - 23 Nov 2016	Kolej Matrikulasi Labuan	Muzium Marin Labuan
73	23 Nov 2016	Jejak Sejarah Peserta Kursus Pemandu Pelancong Borneo Tourism Institute	Muzium Chimney
74	26 Nov 2016	Pameran outreach di Kompleks Suka Laut Antarabangsa Labuan sempena Karnival Rekreasi Pelancongan & Berjamming Kita 2016.	Muzium Labuan



Hari Muzium Antarabangsa



Bicara Kurator Perdana



Pelajar dibawa ke galeri secara lawatan berpandu



Pelajar tekun membuat perhiasan diri menggunakan kultip sifut



Para peserta sedang Mendengar taklimat yang disampaikan Oleh Puan Norazizah Bt. Masri



Gambar beramai-ramai bersama hasil kreativiti masing-masing

STATISTIK PELAWAT KE MUZIUM-MUZIUM



DARURAT DI TANAH MELAYU 1948-1960 MALAYA EMERGENCY 1948-1960

KEMUSNAHAN
DAN
KEINGSARAAN



STATISTIK PELAWAT KE MUZIUM DI BAWAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA DARI 1 JANUARI - 31 DISEMBER 2016

Sepanjang tahun 2016, seramai 3,053,526 orang telah mengunjungi 21 buah muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia

Bil	Muzium	Pelawat Tempatan	Pelajar	Pelawat Luar Negara	Inreach Outreach Program	Jumlah	Sasaran
1	Muzium Negara <i>(Termasuk pameran sementara)</i>	207,194	50,887	149,692	441,320	849,093	612,761
2	Muzium Perak	82,307	116,153	2,529	10,900	211,889	279,952
3	Muzium Tekstil Negara	14,270	7,712	42,790	10,238	75,010	65,616
4	Muzium Arkeologi Lembah Bujang	169,063	9,256	1,490	700	180,509	194,003
5	Muzium Kota Kayang	33,968	15,560	1,187	8,182	58,897	72,476
6	Muzium Labuan	45,528	7,274	2,384	10,640	65,826	71,185
7	Muzium Marin Labuan	108,522	5,582	3,825	13,832	131,761	158,882
8	Muzium Adat	60,668	13,489	1,066	5,700	80,923	77,675
9	Galeria Perdana	51,950	8,802	21,571	0	82,323	119,989
10	Muzium Sungai Lembing	64,097	12,620	2,454	1,403	80,574	78,061
11	Muzium Seni Bina Malaysia	50,535	5,617	9,849	3,630	69,631	64,061
12	Muzium Automobil Nasional	59,805	2,294	50,287	140	112,526	95,997
13	Muzium Etnologi Dunia Melayu	29,160	8,541	41,809	0	79,510	136,653
14	Muzium Lukut	22,046	9,895	351	16	32,308	50,504
15	Muzium Seni Kraf Orang Asli	106,594	17,942	73,857	0	198,393	123,952
16	Muzium Matang	38,213	10,506	578	5,990	55,287	66,132

Bil	Muzium	Pelawat Tempatan	Pelajar	Pelawat Luar Negara	Inreach Outreach Program	Jumlah	Sasaran
17	Muzium Chimney	35,833	2,935	3,998	14,836	57,602	55,454
18	Muzium Kota Kuala Kedah	235,407	9,683	328	2,800	248,218	308,092
19	Muzium Kota Johor Lama	26,558	7,911	1,695	0	36,164	32,362
20	Muzium Alam Semulajadi	14,387	11,579	10	19,508	45,484	50,000
21	Muzium DiRaja	54,881	17,276	63,147	0	135,304	147,390
22	Muzium Muzik	13,379	3,850	45,404	0	62,633	50,000
23	Pameran/Program Di Luar	103,662				103,662	261,013
JUMLAH KESELURUHAN PELAWAT 1 JANUARI - 31 DISEMBWER 2016						3,053,526	3,172,210



PROGRAM JANGKAU LUAR





□ PROGRAM JANGKAU LUAR (OUT REACH PROGRAM)

i) Program ‘Terokai Muzium Negara’

Program ini diadakan pada setiap tahun dan merupakan satu wadah dalam memperkenalkan Muzium Negara kepada orang ramai terutamanya golongan muda. Pelbagai aktiviti hands-on diaplikasi dalam usaha menarik minat masyarakat tempatan dan luar negara untuk mendekati, menghayati dan menghargai sejarah, budaya dan warisan silam negara.

BIL	TARIKH	INSTITUSI / ORGANISASI	TEMA	BIL. PELAJAR	MUZIUM
1	17-18 Mac 2016	Panggung Seni, UKM, sempena Hari Keterampilan Mahasiswa (HAKERA) anjuran Kolej Dato' Onn, UKM.	Penubuhan Malaysia 1963	207	Muzium Negara
2	20 Apr 2016	SK Pekan I, WP Labuan	Pameran Visi dan Misi JMM	986	Muzium Marin Labuan
3	21-22 Apr 2016	Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru,Wilayah Persekutuan Labuan	Pameran Jejak Sejarah	800	Muzium Labuan
4	3 & 4 Sept 2016	Times Bookstore Pavilion	Permainan Tradisional	954	Muzium Negara
5	20 Sept 2016	Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Puchong Jaya (B)	Kebudayaan Masyarakat Pra Sejarah di Malaysia	320	Muzium Negara
6	23 Sept 2016	KDU University College	Permainan Tradisional	780	Muzium Negara
7	24 & 25 Sept 2016	Times Bookstore Bangsar Shopping Centre	Permainan Tradisional	475	Muzium Negara
8	02 Nov 2016	Sekolah Kebangsaan Tun Hussein Onn	Kebudayaan Masyarakat Pra Sejarah di Malaysia	468	Muzium Negara
9	10 Nov 2016	SJKT Ladang West Country Timur	Kebudayaan Masyarakat Pra Sejarah di Malaysia	330	Muzium Negara
10	12 Nov - 4 Dis 2016	Perpustakaan Cawangan dan Perpustakaan Desa Di Negeri Perlis	Jom pi Perpustakaan & Kenali Muzium	320	Muzium Kota Kayang
11	13 Nov 2016	Sekolah Kebangsaan Bukit Bandaraya	Permainan Tradisional	557	Muzium Negara

Gambar Aktiviti Pameran Outreach Muzium Marin Labuan

Kuiz Hide and Seek Hidupan Marin



Penerangan aktiviti permuziuman

Pameran Jejak Sejarah Ke Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru Wilayah Persekutuan Labuan

Permainan Dam Tanjung Kubong Treasure Hunt menjadi tarikan kepada para pelajar.



Pelajar sedang melihat pameran yang disediakan.

Aktiviti/Program Tahunan Muzium Kota Kayang, Perlis 2016

Demonstrasi pembuatan topeng oleh staf Bahagian Pengurusan Konservasi.



Peserta dari SJKC Khay Beng bergambar bersama topeng masing-masing.

PRESTASI KEWANGAN





PRESTASI KEWANGAN

Peruntukan Mengurus Jabatan Muzium Malaysia

Secara keseluruhannya JMM telah diperuntukkan sejumlah RM38,496,900.00 pada tahun 2016 dimana waran sekatan yang dikenakan ke atas JMM adalah sebanyak RM1,279,970.00, peruntukan bagi Program Silang Budaya sebanyak RM60,000.00 diserahkan kepada KPK dan pemulangan RM245,000 bagi peruntukan emolumen yang diserahkan kepada Bahagian Kewangan KPK dan menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan belanja mengurus ialah sebanyak RM36,911,930.00.

Prestasi Perbelanjaan Mengurus mengikut Butiran Jenis Perbelanjaan bagi Tahun 2016 Sepanjang tahun 2016, perbelanjaan keseluruhan peruntukan JMM ialah sebanyak RM35,608,625.71 atau 96.47%. Pecahan tertinggi adalah untuk Pemberian dan kenaan bayaran tetap iaitu sebanyak RM807,00.00 atau 100.00% diikuti dengan Emolumen iaitu sebanyak RM18,205,123.51 atau 96.57% serta Bekalan dan Perkhidmatan iaitu sebanyak RM16,596,502.20 atau 96.20%. Jadual 1 dibawah menunjukkan jumlah peruntukan dan peratusan perbelanjaan mengikut maksud perbelanjaan.

MAKSUD PERBELANJAAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Emolumen	18,852,500.00	18,205,123.51	96.57
Bekalan dan Perkhidmatan	17,252,430.00	16,596,502.20	96.20
Aset	0	0	0
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	807,000.00	807,000.00	100.00
JUMLAH KESELURUHAN	36,911,930.00	35,608,625.71	96.47

Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi Tahun 2015 dan 2016

Secara perbandingan mengikut tahun lalu, peruntukan belanja mengurus bagi tahun 2016 menurun sebanyak RM38,429,900.00 berbanding tahun 2015. Ini adalah disebabkan peruntukan bagi sumbangan kepada Muzium Negeri telah disalurkan melalui waran dari Kementerian Kewangan. Dari segi prestasi perbelanjaan, pada tahun 2016 prestasi perbelanjaan telah menurun sebanyak 3.33% iaitu 96.47% dari 99.80% pada tahun 2015.

Carta 1 menunjukkan perbandingan prestasi perbelanjaan mengurus tahun 2015 dan 2016.

